

Laporan
ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR
AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

LAPORAN ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2022

FAKULTI PENDIDIKAN JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN KESUKARELAWAN

KETUA PTJ :

SHARIPAH RUZAINA BINTI SYED ARIS

KETUA UNIT KUALITI :

SHIREENA BASREE BINTI ABDUL RAHMAN

PENYELARAS :

SYAHREENA BINTI MOHD SHAHROM

PENULIS :

1. NURSHAMSHIDA BINTI MD SHAMSUDIN
2. ANI MAZLINA DEWI BINTI MOHAMED
3. MOHD KHAIREZAN BIN RAHMAT
4. ZARIZI BIN AB RAHMAN
5. HAMIMAH BINTI HASHIM
6. MAWARNI BINTI MOHAMED
7. AZLAN BIN AHMAD KAMAL

8. SHARIFAH MUZLIA BINTI SYED MUSTAFA
9. SHEIKHA BINTI MAJID
10. SITI FAIRUZ BINTI DALIM
11. MUHAMMAD FAIZ BIN SABRI
12. MOHD HAFRIZ BIN ABDUL HAMID
13. FATIN ALIANA BINTI MOHD RADZI
14. MUHAMMAD NOOR HIZAMI BIN HAMIDI
15. NOR TUTIAINI BINTI AB.WAHID
16. KHADIJAH BINTI SAID HASHIM
17. GEETHANJALI A/P NARAYANAN
18. NURUL FITRIAH BINTI ALIAS
19. WAN NURUL ELIA BINTI HASLEE SHARIL
20. SITI ZURaida BINTI MAARUF
21. RAIHA SHAHANAZ BINTI REDZUAN
22. FAZYUDI BIN AHMAD NADZRI
23. TEOH SIAN HOON
24. SHIREENA BASREE BINTI ABDUL RAHMAN
25. ZURAIMI BINTI ZAKARIA
26. SYAHREENA BINTI MOHD SHAHROM
27. SYAHREENA BINTI MOHD SHAHROM
28. SHARIPAH RUZAINA BINTI SYED ARIS
29. SHARIPAH RUZAINA BINTI SYED ARIS

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Pendidikan (FPend) berperanan dalam membangunkan kualiti Perkhidmatan dan Pentadbiran dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP). FPend menekankan keseimbangan modal insan dalam cabaran pendidikan era digital. Perancangan strategik Fakulti diwajibkan dengan Perancangan Strategik UiTM ke arah Global Renowned University (GRU2025) berlandaskan dasar dan inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi dalam usaha menerapkan pembudayaan IR 5.0, Education 5.0 dan Sustainable Development Goal terutama Agenda ke-4 iaitu Kualiti Pendidikan sebagai panduan dalam memastikan kecemerlangan dan kemampuan inovasi dalam PdP dapat dicapai oleh warga FPend.

Berpegang kepada tagline *EDU Pursuing Excellence*, Kepimpinan Fakulti diterajui oleh Prof Madya Ts Dr Sharipah Ruzaina Syed Aris sebagai Dekan dan di bantu oleh bahagian Hal Ehwal Akademik (HEA), Penyelidikan dan Jaringan Industri (PJI) dan Hal Ehwal Pelajar (HEP). Bagi menyokong visi dan misi FPend untuk menjadi sebuah fakulti tersohor dan pusat rujukan pembelajaran dan pembelajaran (PDP) di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam pelbagai bidang pendidikan selari dengan aspirasi UiTM ke arah GRU2025, pengurusan tertinggi fakulti telah merangka tiga (3) inisiatif projek utama yang dikenali sebagai Edu Scholar, Edu Teach dan Edu Reach.

Tiga inisiatif projek utama ini adalah dibawah seliaan pengurusan tertinggi fakulti dibantu oleh Ketua Pusat Pengajian (KPP), Koordinator, Ketua Unit, Penyelaras, Penolong Pendaftar dan melibatkan semua bidang kepakaran warga fakulti yang terdiri daripada staf akademik, pentadbiran serta mahasiswa FPend

Melalui inisiatif tiga tonggak utama ini, FPend berhasrat bukan sahaja ingin melahirkan bakal pendidik yang mempunyai ciri ciri abad ke 21 di peringkat global malahan graduan dan warga yang boleh berkolaborasi secara strategik bersama pihak industri, alumni dan juga komuniti dalam memastikan kecemerlangan dicapai oleh warga FPend dan menyumbang kepada kesejahteraan komuniti.

Berikut adalah takrifan Edu Scholar, Edu Teach dan Edu Reach:

EDU SCHOLAR

Edu Scholar merangkumi aktiviti yang melibatkan komuniti FPend dan alumni iaitu graduan lepasan dan staf UiTM yang mendapat tajaan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat nasional dan antarabangsa. Aktiviti melibatkan alumni FPend dan komuniti pendidik dan penyelidik adalah seperti *International Conference on University Teaching and Learning (InCULT 2021)*, *International General Studies Conference 2021 (IGesCon2021)* dan penerbitan jurnal Scopus berimpak tinggi yang menjadi platform kepada komuniti pendidik dan penyelidik berkongsi hasil kajian yang telah mereka jalankan di peringkat global.

EDU TEACH

Edu Teach merupakan program yang menjurus kepada pengajaran dan pembelajaran serta perkongsian ilmu warga FPend kepada komuniti yang merupakan masyarakat setempat, pelajar, pendidik dan penyelidik pelbagai peringkat pengajian serta rakan kolaborasi dalam konteks industri pendidikan di peringkat nasional dan antarabangsa. Antara program yang di anjurkan di bawah payung Edu Teach adalah *International Education Symposium 2021 (IES 2021)*, siri webinar dan latihan praktikum.

EDU REACH

Edu Reach adalah inisiatif yang menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan komuniti dalam konteks pendidikan di peringkat nasional dan antarabangsa. Antara program

yang memberikan dampak di bawah inisiatif Edu Reach adalah Art Smart 2021, Verdik 2021 dan bantuan banjir pada Desember 2021 dimana pasukan penyelamat yang terdiri dari kalangan pensyarah, staf pentadbiran serta pelajar menghulurkan bantuan seperti melakukan kerja-kerja pembersihan dan menyediakan makanan kepada mangsa-mangsa banjir di sekitar Shah Alam dan Klang dibawah konsep EDUprihatin@UiTM.

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pendidikan di abad ke-21 ini di revolusikan bersama teknologi dalam PdP sejajar dengan lonjakan industri teknologi digital IR 5.0 (**Rujuk Bukti 1: Malaysia Education Blueprint**) serta **Education 5.0 (Bukti 2)**. Tiga (3) inisiatif utama iaitu Edu Scholar, Edu Teach dan Edu Reach yang telah diilhamkan oleh pengurusan tertinggi fakulti adalah untuk menyokong indeks pencapaian FPend selaras dengan pelan strategik UiTM ke arah *Global Renowned University* (GRU2025) (**Rujuk Bukti 3: Pelan Strategik UiTM**), Selaras dengan itu, kepimpinan fakulti pendidikan mengambil aspirasi pragmatik dimana **model Community of Learners** diketengahkan (**Rujuk Bukti 4**).

Social Network and Collaborative Theory didefinisikan dengan hubungan yang terjalin antara individu dan masyarakat yang memungkinkan terbinanya beberapa jalinan yang membentuk satu hubungan linear atau flow of resources yang dizahirkan. Penzahiran sumber ini boleh dilihat dalam bentuk sokongan sosial, emosi, maklumbalas, kepakaran, kewangan, aktiviti keusahawanan dan lain-lain yang memberikan impak yang berkekalan (*Sustainable Impact*) kepada komuniti.

Meskipun negara dilanda pandemik COVID-19 pemerksaan PdP di abad 21 yang lebih bersifat fleksibel diamalkan sepenuhnya serta rancak diteruskan tidak hanya menjurus kepada pelajar dan pensyarah, tetapi juga turut melibatkan wakil institusi pendidikan luar, industri serta agensi dalam dan luar negara bagi menghasilkan bakal graduan FPend yang mampu bersaing dalam pasaran yang semakin kompetitif. Justeru itu, pelaksanaan aktiviti PdP di setiap Jabatan menggalakkan penerapan elemen inovasi, kreativiti dan kritis yang menjadi keperluan semasa dan akan datang.

Carta 2 (Rujuk Bukti 5: Model Lanskap Pendidikan VUCA) merumuskan perancangan dan peluasan sistematik inovasi dan perkongsian ilmu dalam suasana lanskap pendidikan VUCA (*volatile, uncertain, complex and ambiguous*) yang memanfaatkan komuniti secara berterusan.

Berdasarkan hala tuju dalam perancangan strategik 2020/2021, hasil pendekatan ini dizahirkan dengan pencapaian berikut bagi memastikan perancangan sistematik di realisasikan dalam inovasi berterusan penyampaian ilmu.

EDU SCHOLAR

Antara aktiviti-aktiviti yang melibatkan alumni FPend merangkumi graduan lepasan dan staf UiTM yang mendapat tajaan untuk melanjutkan pelajaran di peringkat nasional dan antarabangsa adalah *International Conference on University Teaching and Learning (InCULT 2021)*, *International General Studies Conference 2021 (IGesCon2021)* dan penerbitan jurnal Scopus berimpak tinggi yang menjadi platform kepada komuniti pendidik dan penyelidik berkongsi hasil kajian yang telah mereka jalankan di peringkat global telah dirangka dibawah inisiatif Edu Scholar.

EDU TEACH

Program mega Edu Teach adalah *International Education Symposium 2021 (IES 2021)* yang menjurus kepada pengajaran dan pembelajaran dan perkongsian ilmu warga FPend kepada komuniti yang merupakan masyarakat setempat, pelajar, pendidik dan penyelidik pelbagai peringkat pengajian dalam konteks industri pendidikan di peringkat nasional dan antarabangsa. IES 2021 telah berjaya menghimpunkan komuniti mahasiswa merentas benua. Selain itu, siri webinar dan latihan praktikum juga merangkumi Edu Teach.

EDU REACH

Edu Reach adalah inisiatif warga fakulti dalam menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan komuniti dalam konteks pendidikan di peringkat nasional dan antarabangsa. Art Smart 2021, Verdik 2021 yang memberikan impak di bawah inisiatif Edu Reach. Namun, warga fakulti telah turut menggerakkan bantuan banjir pada Disember 2021 dimana pasukan

penyeramat yang terdiri dikalangan penyuaran, staf pentadbiran serta pelajar menghulurkan bantuan seperti melakukan kerja-kerja pembersihan dan menyediakan makanan kepada mangsa-mangsa banjir di sekitar Shah Alam dan Klang dibawah konsep EDUprihatin@UiTM.

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_K01_KB02_20221_EDU_1.2 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_K01_KB02_20222_EDU_1.2 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_K01_KB02_20223_EDU_1.2 BUKTI 3.pdf](#)
4. [F0034_K01_KB02_20224_EDU_1.2 BUKTI 4.pdf](#)
5. [F0034_K01_KB02_20225_EDU_1.2 BUKTI 5.pdf](#)

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Kepimpinan kanan mengadaptasi komunikasi secara efektif (*Source-Medium-Channel-Receiver, SMCR Model*) dalam menyampaikan dan merealisasikan visi dan misi organisasi kepada warga FPend. Paling utama, pemantauan kepemimpinan adalah melalui mesyuarat MPE dan MKSP di mana pelaporan pencapaian serta penambahbaikan berterusan Fakulti menjadi agenda utama. Antara projek inisiatif yang didokong oleh kepimpinan Fakulti Pendidikan pada 2021 adalah IES, Verdik dan InCULT. Ketiga-tiga inisiatif program berkonsepkan quadruple helix yang melibatkan alumni, komuniti dan aktiviti kesukarelawan serta penglibatan industri.

IES 2021

International Education Symposium 2021 (IES 2021) adalah inisiatif EDU TEACH berfokus kepada elemen perkongsian ilmu PdP kepada bakal graduan di peringkat nasional dan global (**Rujuk Bukti 1: Gambarajah 1**). Program ini adalah anjuran kepimpinan pelajar Fakulti Pendidikan UiTM, di bawah bimbingan pensyarah sebagai penasihat dan fasilitator. University of the Immaculate Conception (UIC), Filipina, merupakan rakan strategik berkolaborasi dalam penganjuran *International Education Symposium 2021* (IES 2021) yang bertemakan “*Fostering Global Mindset Among Young Leaders*” pada 27 dan 28 September 2021. IES 2021 berperanan mendedahkan perspektif global lanskap pendidikan yang baharu, di samping mengasah kemahiran kepimpinan para pelajar. Program ini juga bertujuan untuk saling mempelajari latar belakang dan silang budaya peserta-peserta dari pelbagai negara. Simposium ini berjaya mengumpulkan seramai 200 pemimpin mahasiswa dari pelbagai universiti negara-negara Asia Tenggara yang melibatkan 10 negara iaitu Brunei, Cambodia, Indonesia, Myanmar, Pakistan, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam dan Malaysia (**Rujuk Bukti 1: Gambarajah 2**) memaparkan **aktiviti IES 2021** melalui Platform Webex dan **Minit Mesyuarat IES 2021** (**Rujuk Bukti 1: Gambarajah 3**).

VERDIK 2021

FPend sentiasa cakna dengan keperluan komuniti pelajar sekolah yang terkesan aktiviti sukan dan kokurikulum mereka akibat pandemik Covid-19. Justeru, di bawah inisiatif EDU REACH yang berpaksikan sukan, jasmani dan kesihatan, FPend dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Selangor dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) berganding tenaga dalam menganjurkan Larian Virtual Rentas Desa Kebangsaan 2021 (VERDIK21) yang berlangsung dari Mac hingga Ogos 2021. Pelajar melengkapkan larian secara maya di kediaman masing-masing dan data larian mereka diterima sebagai merit untuk direkodkan sebagai memenuhi keperluan Pentaksiran Aktiviti Jasmani Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) (**Rujuk Bukti 2: Gambarajah 4**). Larian secara virtual ini merupakan alternatif kepada acara merentas desa yang lazimnya dijalankan di sekolah sebelum pandemik melanda. VERDIK21 telah berjaya melibatkan penyertaan 30,276 pelajar sekolah di peringkat rendah dan menengah seluruh Malaysia. Jumlah ini membolehkan Fakulti Pendidikan menempa nama di dalam the *Malaysia Book of Records (MBoR)* untuk larian virtual melibatkan pelajar sekolah paling ramai (**Rujuk Bukti 2: Gambarajah 5**).

INCULT 2021

InCULT 2021 merupakan projek dwi tahunan FPend dibawah payung inisiatif EDU Scholar. InCULT telah dimulakan pada tahun 2002 dan menjadi platform kolaborasi komuniti, pendidik dan penyelidik pelbagai peringkat dalam konteks industri Pendidikan berkongsi hasil kajian. InCULT 2021 adalah hasil kolaborasi Ohio University dan Universiti Putra Malaysia (UPM) (**Rujuk Bukti 3: Gambarajah 6**). InCULT 2021 berjaya menghimpunkan secara virtual alumni FPend yang berkhidmat sebagai pendidik di institusi pengajian swasta mahupun kerajaan. Program ini merupakan platform perkongsian ilmu dan penyelidikan merentas benua yang melibatkan perkongsian 164 dapatan kajian yang mampu memberi impak terhadap senario

pendidikan semasa dalam Negara dan antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_K01_KB03_20221_EDU_1.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_K01_KB03_20222_EDU_1.3 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_K01_KB03_20223_EDU_1.3 BUKTI 3.pdf](#)
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

FPend sentiasa menggunakan konsep *Plan-Do-Check-Act* (PDCA) dalam memastikan penambahbaikan kualiti berterusan (CQI) dalam setiap program atau projek yang di anjurkan. Proses ini berlaku di dalam mesyuarat post-mortem dan mesyuarat fakulti bagi menambahbaik aspek sama ada proses, operasi dan mekanisme.

IES 2021

Simposium ini mendapat sambutan yang sangat positif daripada penyertaan universiti negara-negara Asia Tenggara dari Brunei, Cambodia, Indonesia, Myanmar, Pakistan, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam dan Malaysia. Maklumbalas dilaksanakan menerusi **google form (Rujuk Bukti 1: Gambarajah 7)** yang dilancarkan melalui emel kepada peserta yang terlibat.

VERDIK21

Program VERDIK21 merupakan program yang memerlukan pemantauan yang konsisten kerana melibatkan pihak sekolah dan bilangan peserta yang ramai. Seperti program yang lain, mesyuarat telah dijalankan bagi membincangkan isu-isu sepanjang waktu perancangan program. Selain itu, isu-isu turut diketengahkan melalui perbincangan kumpulan **platform Whatsapp (Rujuk Bukti 2: Gambarajah 8)**. Selepas program berjaya dijalankan, borang maklumbalas telah diberikan kepada pihak guru untuk mengenalpasti sebarang kekurangan dan kelemahan program bagi tujuan penambahbaikan **(Rujuk Bukti 2, Gambarajah 9: Borang maklum balas VERDIK 21)**.

INCULT 2021

Program ini berjaya dijalankan dengan kerjasama pelbagai pihak dari dalam dan luar Malaysia. Bagi memastikan kejayaan program ini, mesyuarat berkala telah dijalankan untuk mengutarakan isu yang menimbulkan kesukaran untuk program berjalan dengan lancar. Selepas tamat program, borang maklum balas telah diedarkan kepada peserta bagi mengenal pasti kekurangan dan kelemahan program yang dijalankan **(Rujuk Bukti 3, Gambarajah 10: Borang maklumbalas InCULT 2021)**. Mesyuarat post-mortem juga telah dijalankan bagi mengenal pasti masalah yang telah dihadapi dan membincangkan cara mengatasi masalah tersebut pada masa akan datang.

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_K01_KB04_KC01_20221_EDU_1.4.1 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_K01_KB04_KC01_20222_EDU_1.4.1 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_K01_KB04_KC01_20223_EDU_1.4.1 BUKTI 3.pdf](#)
- 4.

5.

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

IES 2021

Dua risiko yang boleh menghalang penganjuran IES2020 adalah:

1. kegagalan fungsi kolaborasi bersama rakan strategik
2. kurangnya penyertaan sama ada diperingkat nasional mahupun antarabangsa.

Tindakan untuk mengawal risiko:

1. Perjumpaan dengan rakan kolaborasi (**Rujuk Bukti 1, Gambarajah 11:Petikan minit mesyuarat bersama UiC**) secara berkala dan memastikan setiap perjumpaan ada hasil yang akan dicapai.
2. Promosi IES2021 secara besar-besaran dan berterusan (**Rujuk Bukti 2, Gambarajah 12: Banner IES 2021 untuk hebahan di media sosial**) dengan menggunakan rakan-rakan kolaborasi sebagai agen mempromosikan IES2021.

VERDIK21

Terdapat tiga risiko yang telah dikenalpasti bagi program VERDIK21:

1. Kekurangan sumber manusia untuk menguruskan penyertaan yang dijangka mendapat sambutan yang menggalakkan dari pelbagai tahap pelajar sekolah di peringkat kebangsaan memandangkan pihak KPM telah mengiktiraf program ini sebagai alternatif membantu merit bagi aktiviti kokurikulum pelajar sekolah.
2. Komunikasi dengan peserta kerana penyertaan yang ramai dan kekurangan sumber manusia untuk menguruskan.
3. Limitasi data storan yang terhad kerana tidak mampu menampung bukti oleh kerana jangkauan penyertaan yang ramai.

Kaedah menangani risiko:

1. Turut melibatkan staf secara langsung bagi membantu sukarelawan sedia ada dari kalangan pelajar (**Rujuk Bukti 3, Gambarajah 13: Surat Lantikan VERDIK 21**)
2. Mempelbagaikan saluran komunikasi iaitu melalui penggunaan whatsapp, email dan komunikasi secara lisan.
3. Menyediakan akaun-akaun google yang baru mengikut zon dan menyediakan google form mengikut zon di seluruh negara bagi tujuan penyimpanan (storan) dan organisasi data (**Rujuk Bukti 3, Gambarajah 14: Google form penyimpanan bukti VERDIK 21**).

INCULT 2021

Dua risiko telah dikenal pasti yang menjadi rintangan implementasi InCULT 2021:

1. Kurang penyertaan dari peserta sama ada dalam atau luar negara.
2. Pengurusan penerbitan yang teratur, efisien dan mencapai standard dan dapat diterbitkan dalam jangkamasa yang singkat.

Kaedah menangani risiko:

1. Hebahan jemputan melalui emel secara berkala dan berterusan

bagi memastikan premier INCULT 2021 dilaksanakan kepada sarjana peserta dalam negara dan juga luar negara (**Rujuk Bukti 4, Gambarajah 15: Hebahan emel jemputan InCULT**).

2. Rakan kolaborasi jurnal telah diwujudkan. Persetujuan telah dicapai bersama editor-editor jurnal yang terpilih untuk turut sama berkolaborasi dalam INCULT (**Rujuk Bukti 4, Gambarajah 16: Surat kolaborasi bersama Social & Management Research Journal**). Ini akan memastikan kualiti artikel yang diterbitkan mencapai standard yang ditetapkan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_K01_KB04_KC02_20221_EDU_1.4.2_BUKTI_1.pdf](#)
2. [F0034_K01_KB04_KC02_20222_EDU_1.4.2_Bukti_2.pdf](#)
3. [F0034_K01_KB04_KC02_20223_EDU_1.4.2_BUKTI_3.pdf](#)
4. [F0034_K01_KB04_KC02_20224_EDU_1.4.2_BUKTI_4.pdf](#)

1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

IES 2021

IES 2021 merupakan simposium pertama FPend yang melibatkan kolaborasi antarabangsa yang dipimpin dan diuruskan oleh pemimpin pelajar. Penglibatan antarabangsa melibatkan 10 negara di bawah kepimpinan muda yang berlainan budaya, bangsa dan agama adalah satu cabaran buat pelajar. Sudah tentu ada kelemahan dan kekurangan yang boleh dijadikan teladan dan sempatan untuk menghasilkan sesuatu yang lebih baik di masa akan datang. Oleh itu, untuk memastikan program akan datang dijalankan dengan lancar, analisa penambahbaikan program telah dilakukan melalui mesyuarat post mortem. Isu-isu (**Rujuk Bukti 1, Gambarajah 17:Petikan laporan IES2021**) yang telah dikenal pasti ialah:

1. Pada sidang pertama, pengurusan agihan peserta pemimpin muda ke sesi breakout rooms agak tidak kemas dan kurang teratur.
2. Tentatif pada wacana ke-tiga tidak mempunyai waktu yang selari dan telah menyebabkan kekeliruan beberapa pihak.

Tindakan penambahbaikan yang dilakukan ialah memastikan sesi raptai juga tertumpu kepada kemasukan peserta ke breakout room dan juga memastikan arahan yang jelas diberikan kepada peserta untuk membimbing mereka ke breakout room masing-masing. Tindakan untuk isu kedua, ahli jawatankuasa program akan memastikan waktu pada wacana adalah selari dengan melantik penyemak kedua untuk membantu menyemak tentatif program.

VERDIK21

Kebanyakan isu yang dikenalpasti bagi VERDIK21 adalah isu di luar kawalan dan berkaitan dengan Pandemik Covid-19 seperti kawasan PKPD yang menyebabkan peserta terpaksa menarik diri walaupun telah mendaftar untuk program ini. Namun dua isu yang boleh dikawal dan ditambahbaik adalah:

1. Kekurangan tenaga sukarelawan bagi menampung penyertaan daripada peserta di seluruh negara.
2. Limitasi data storan yang terhad tidak mampu menampung bukti oleh peserta.

Selepas perbincangan pada sesi post mortem (**Rujuk Bukti 2, Gambarajah 18: Petikan laporan VERDIK21**), tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan ialah:

1. Pensyarah penasihat telah terlibat secara langsung bagi melicinkan proses pengurusan dan penyertaan murid-murid sekolah.
2. Menyediakan beberapa akaun google yang baharu mengikut zon seluruh negara bagi memudahkan penyimpanan data dan memudahkan proses mengeluarkan sijil kepada peserta.

INCULT 2021

Isu yang menjadi rintangan implementasi InCULT 2021:

Isu: Pembayaran dan pemberian resit kepada pihak penganjur secara manual yang memperlambatkan proses pendaftaran peserta. (**Rujuk Bukti 3, Gambarajah 19: Petikan minit mesyuarat post mortem**)

Tindakan penambahbaikan yang akan dilakukan adalah:

Tindakan: Kaedah bayaran Finepay akan diaplikasikan untuk memudahkan proses pembayaran secara automatik.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_K01_KB04_KC03_20221_EDU_1.4.3_BUKTI_1.pdf](#)
2. [F0034_K01_KB04_KC03_20222_EDU_1.4.3_BUKTI_2.pdf](#)
3. [F0034_K01_KB04_KC03_20223_EDU_1.4.3_BUKTI_3.pdf](#)

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

IES 2021

IES2021 melibatkan kolaborasi antarabangsa bersama Immaculate Conception University Filipina dan juga penyertaan mahasiswa 10 negara Asia Tenggara yang melibatkan Brunei, Cambodia, Indonesia, Myanmar, Pakistan, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam dan Malaysia melibatkan 200 pemimpin mahasiswa **(Rujuk Bukti 1, Gambarajah 20:Peserta dari pelbagai negara)**.

Program IES2021 ini jelas selari dengan perancangan strategik Fakulti Pendidikan dalam usaha meningkatkan rakan strategik melalui kolaborasi bersama universiti luar negara. Program ini juga telah memperkenalkan FPend di peringkat antarabangsa sejajar dengan hasrat untuk menjadikan UiTM sebagai Globally Renowned University suatu hari nanti. Penglibatan pemimpin muda bersama rakan luar negara yang berbeza latar belakang dalam membincangkan isu-isu terkini pendidikan secara tidak langsung dapat mendedahkan mereka dengan aspek kepemimpinan abad ke-21 dalam mendepani komuniti tempatan dan antarabangsa selari dengan landskap pendidikan yang sentiasa berubah.

VERDIK21

VERDIK21 melibatkan kolaborasi peringkat nasional antara FPend Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Selangor dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS). Penglibatan penyertaan seramai 31,921 pelajar sekolah di peringkat rendah dan menengah seluruh Malaysia **(Rujuk Bukti 2, Gambarajah 21:Pecahan penyertaan sekolah)** telah melayakkan FPend menempa nama di dalam the Malaysia Book of Records (MBoR). Inisiatif ini membuktikan FPend cakna dengan masalah komuniti pelajar dan pihak pengurusan sekolah sewaktu PKP akibat COVID19 kerana tidak dapat menjalankan aktiviti kokurikulum. Penglibatan bakal-bakal pendidik bersama komuniti dan di bimbing oleh para pensyarah dapat mewujudkan nilai ESI kecemerlangan, sinergi dan integriti yang menjadi tonggak nilai organisasi UiTM.

INCULT 2021

INCULT2021 melibatkan kerjasama diantara FPend UiTM, Ohio University dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Hasil kolaborasi ini berjaya menarik minat penceramah utama (keynote speakers) dari Ohio University, Kyoto Sangyo University, University of Cambridge dan Indiana University **(Rujuk Bukti 3, Gambarajah 22 Keynote speaker 1 dan 2 & Gambarajah 23: Keynote speaker 3 dan 4)**. Selain peserta dari Malaysia, INCULT2021 telah berjaya menarik peserta dari negara luar seperti Indonesia, Oman, Filipina, China, Egypt, India, Nigeria dan Pakistan. INCULT2021 memberi peluang kepada pendidik dan penyelidik UiTM dan luar UiTM untuk berkongsi hasil kajian. Aktiviti ini menyokong GRU2025 dalam mencapai teras strategik kecemerlangan global yang menekankan penyelidikan dan perkongsian pintar bersama rakan kolaborasi.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_K01_KB05_20221_EDU_1.5_BUKTI_1.pdf](#)
2. [F0034_K01_KB05_20222_EDU_1.5_BUKTI_2.pdf](#)
3. [F0034_K01_KB05_20223_EDU_1.5_BUKTI_3.pdf](#)

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Strategik Fakulti Pendidikan (FPend) 2021 dirangka berasaskan kepada halatuju Perancangan Strategik UiTM 2025: *Unleashing Potentials, Shaping the Future* ke arah *Globally Renowned University by 2025*. Penilaian prestasi setiap indikator pencapaian disemak setiap tahun agar sejajar dengan MEB 2015-2025, Shared Prosperity Vision 2030, National Policy on Industry 4.0 dan 17 SDG Goals. Indikator pencapaian diperturunkan kepada FPend melalui Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Melalui indikator pencapaian ini, FPend merangka halatuju dan pembentukan Strategik Action Plan (SAP).

Pada tahun, 2021 terdapat 54 bilangan indikator pencapaian yang diturunkan kepada FPend dan skor pencapaian pada tahun tersebut meningkat kepada 73%. Peningkatan pencapaian berlaku melalui penambahbaikan strategi dan pemahaman yang lebih komprehensif tentang keperluan setiap PI yang diterajui oleh setiap Timbalan Dekan (TD). Setiap TD akan membentangkan kemajuan dan pencapaian PI kepada Dekan dalam mesyuarat MPE. Dokumen UiTM 2025 menjadi rujukan utama bagi memastikan strategi yang dibina sejajar dengan inisiatif universiti.

Dengan kekuatan sumber FPend dalam aspek jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan maka terbentuklah 3 inisiatif utama yang telah direalisasikan melalui Perancangan Strategik 2021. 3 inisiatif utama iaitu:

EDU SCHOLAR

EDU SCHOLAR adalah inisiatif bagi meningkatkan jaringan industri dan komuniti melalui kolaborasi program dalam memperkasakan kepakaran staf dan pelajar. Antara program yang berimpak bagi projek ini adalah inisiatif menaiktaraf *ASIAN Journal of University Education* (AJUE) yang kini merupakan jurnal berindeks SCOPUS Q2 di bawah pengurusan *Asian Centre for Research on University Learning and Teaching* (ACRULET), iaitu entiti kecemerlangan *Centre of Excellence* di Fakulti Pendidikan UiTM. Selain SCOPUS, AJUE turut diindeks antaranya oleh Asean Citation Index, MyCite, Asian Digital Library, ERIC Institute of Education Sciences, OCLC WorldCat, dan Google Scholar. Inisiatif ini menyumbang kepada pencapaian cemerlang fakulti dalam PI yang berkaitan dengan penerbitan.

EDU TEACH

EDU TEACH merupakan inisiatif program dan aktiviti yang menjurus kepada PdP dan perkongsian ilmu warga Fpend kepada komuniti yang merupakan masyarakat setempat, pelajar, pendidik dan penyelidik pelbagai peringkat pengajian dalam konteks industri Pendidikan di peringkat nasional dan antarabangsa. Antara aktiviti berimpak adalah *International Education Symposium 2021* (IES) dan siri webinar yang melibatkan perkongsian alumni dan industri.

EDU REACH

EDU Reach adalah inisiatif yang menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan komuniti dalam konteks Pendidikan di peringkat nasional dan antarabangsa. Antara program-program yang diadakan di bawah EDU reach adalah Art Smart 2021, Verdik 2021 dan bantuan banjir pada Disember 2021 dimana pasukan penyelamat yang terdiri daripada kalangan pensyarah, staf pentadbiran serta pelajar menghulurkan bantuan dalam melakukan kerja-kerja pembersihan dan menyediakan makanan kepada mangsa-mangsa banjir di sekitar Shah Alam dan Klang.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga projek ini telah menyemarakkan amalan pemindahan pengetahuan, mengetengahkan bidang dan kepakaran staf akademik serta melonjakkan ketampakan FPend di peringkat universiti mahu pun antarabangsa. Malah inisiatif-inisiatif ini turut menyokong pencapaian PI yang diturunkan kepada fakulti. Penyelaras Strategik Transformasi Universiti (PSTU) memainkan peranan sebagai pengurus yang bertanggungjawab

memantau pelaksanaan dan pencapaian inisiatif. Pelaporan secara berkala dilakukan untuk merekod pencapaian ke dalam UePMO mengikut jadual yang ditetapkan oleh BTU. Pencapaian semasa dikongsikan dengan warga secara berkala supaya setiap warga merasai kebersamaan dalam mencapai PI tersebut dan memudahkan mitigasi berlaku.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan Strategik Fakulti Pendidikan (FPend) bagi tahun 2021 merupakan perancangan yang dibuat pada awal tahun setelah penurunan PI oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) kepada fakulti. Perancangan Strategik Fakulti disemak dari masa ke masa melalui beberapa platform yang mudah dilaksanakan antaranya WhatsApp, mesyuarat MPE dan mesyuarat khusus serta perkongsian dokumen di *Google Drive*. Pembentukan inisiatif Perancangan Strategik yang telah dilaksanakan oleh FPend untuk tahun 2021 disejajarkan dengan 3 projek utama FPend. Berikut merupakan proses yang berlangsung dalam membentuk Pelan Strategik Fakulti Pendidikan:

a) SAP ini dibentuk berdasarkan kepada sasaran PI yang diturunkan kepada Fakulti pada setiap awal tahun. **(Rujuk Bukti 1, Gambarajah 1: Taklimat Perancangan Strategik 2021).**

b) SAP ini merangkumi pembentukan jawatankuasa bagi setiap projek yang di diluluskan. TD yang bertindak sebagai peneraju akan melantik pengurus program bagi membantu pelaksanaan dan pencapaian PI. Jawatankuasa yang dibentuk ini akan menilai situasi semasa dan jurang pencapaian dan seterusnya mengaplikasi kaedah pelaksanaan yang bersesuaian termasuklah mengadakan pelan mitigasi. Penetapan keutamaan berdasarkan keperluan bajet dan risiko turut ditekankan sewaktu penjajaran inisiatif dengan PI yang berkaitan dibuat **(Rujuk Bukti 2, Gambarajah 2 & 3: Mesyuarat Pelan Mitigasi Strategik).**

c) Kesedaran warga tentang PI dan pelan strategik ini dikongsi melalui Mesyuarat bersama staf FPend **(Rujuk Bukti 3, Gambarajah 4: Perkongsian kepada warga tentang PI dan Pelan Strategik).**

d) Penyediaan Strategik Action Plan (SAP) yang dirangka oleh setiap Timbalan Dekan kemudiannya dibentangkan kepada Dekan untuk kelulusan dan dimajukan kepada Bahagian Transformasi Universiti (BTU) bagi tujuan rekod dan pemantauan **(Rujuk Bukti 4, Gambarajah 5: Petikan Mesyuarat JKE).**

e) PSTU bertindak sebagai pemantau keseluruhan inisiatif akan melapor pencapaian setiap inisiatif di sistem UePMO dan menyediakan pelaporan ringkas kepada Dekan sebagai persediaan bagi menghadapi pembentangan laporan PI oleh BTU yang dilakukan secara berkala 3 bulan sekali. Setiap pelaporan yang dibentangkan oleh PSTU kepada Dekan turut menjadi tanda aras kepada setiap TD untuk menggerakkan inisiatif yang berkaitan dan menambahbaik strategi jika perlu.

Ketiga-tiga projek utama fakulti EDU SCHOLAR, EDU TEACH dan EDU REACH menggarap usaha dalam memacu fakulti untuk menjadi fakulti tersohor. Mendokong usaha meletakkan UiTM di QS Ranking teratas, setiap inisiatif yang dilaksanakan ditindikkan dengan keperluan MyRA dan SETARA. Contohnya inisiatif menaiktaraf dan mengekalkan AJUE sebagai jurnal berwasit dan berindeks Scopus dapat meningkatkan keserjanaan penulis di peringkat UiTM, kebangsaan dan antarabangsa. Ianya terbukti melalui pemilihan penulis untuk setiap penerbitan yang perlu merentasi ketiga-tiga aspek demografik ini. Ia turut menyumbang kepada peningkatan bilangan penerbitan fakulti khususnya dalam jurnal berindeks, penulisan kolaborasi bersama *'Top 500 University'*, kolaborasi kebangsaan. Insentif Penerbitan dan Inovasi FPend iaitu inisiatif yang diperkenalkan oleh Pejabat Penyelidikan, Jaringan dan Industri FPend mensasarkan pertambahan penerbitan dan inovasi di kalangan staf akademik pula telah berjaya menyuburkan budaya penerbitan secara individu mahupun berkumpulan. **(Rujuk Bukti 5, Gambarajah 6: Insentif Penerbitan dan Inovasi).**

Selain itu, penggunaan elemen inovasi seperti *Google Meet*, *Webex* membolehkan EDU Scholar Webinar Series yang berpandukan petunjuk prestasi dengan fokus pengisian kepada penulisan akademik, geran, penyelidikan dan penerbitan yang dianjurkan oleh FPend dijalankan bagi mendukung aspirasi perancangan strategik dan inisiatif FPend. **(Rujuk Bukti 5, Gambarajah 7: EDU Scholar Webinar Series).**

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_P01_PB02_20221_EDU_2.2 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_P01_PB02_20222_EDU_2.2 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_P01_PB02_20223_EDU_2.2 BUKTI 3.pdf](#)
4. [F0034_P01_PB02_20224_EDU_2.2 BUKTI 4.pdf](#)
5. [F0034_P01_PB02_20225_EDU_2.2 BUKTI 5.pdf](#)

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Berdasarkan kepada objektif dan inisiatif yang telah dirancang oleh setiap peneraju (TD), penganjuran pelbagai program menunjukkan bagaimana pemetaan inisiatif-inisiatif strategik dilakukan terhadap ketiga-tiga projek utama Fakulti Pendidikan iaitu:

EDU SCHOLAR

Objektif inisiatif ini adalah bagi meningkatkan bilangan penglibatan staf dalam aktiviti akademik yang mengiktiraf kepakaran mereka di peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa bagi tujuan perkongsian ilmu dan kepakaran (**Rujuk Bukti 1, Gambarajah 8: Sasaran Kajian dan Penerbitan 2021**). Objektif ini dicapai melalui penganjuran aktiviti yang melibatkan alumni dan komuniti seperti International Conference on University Teaching and Learning (InCULT 2021), International General Studies Conference 2021 (IGesCon2021) dan penerbitan jurnal Scopus berimpak tinggi yang menjadi platform kepada komuniti pendidik dan penyelidik dalam perkongsian ilmu dan hasil kajian yang telah mereka jalankan di peringkat global. (**Rujuk Bukti 1, Gambarajah 9: Poster Konferensi**)

EDU TEACH

Pelaksanaan program meningkatkan jalinan bersama pihak industri dan komuniti melalui kolaborasi program dalam memperkasakan kepakaran staf dan pelajar. Projek ini diterajui oleh dua Timbalan Dekan iaitu TD PJI dan TD HEP (pelajar) yang bertanggungjawab merancang pelbagai aktiviti yang melibatkan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan (**Rujuk Bukti 2, Gambarajah 10: PI & Sasaran 2021**). Objektif ini dilaksanakan melalui penganjuran program yang menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan komuniti dalam konteks pendidikan di peringkat nasional dan antarabangsa. Antara program-program yang memberikan impak di bawah inisiatif EDU TEACH adalah EDUTEACH WEBINAR SERIES. Penganjuran webinar ini telah mendapat penyertaan membanggakan dari peserta dalam dan luar negara. (**Rujuk Bukti 2, Gambarajah 11: EDUTEACH Webinar Series**).

EDU REACH

Pelaksanaan program ini adalah bertujuan meningkatkan jangkauan kepakaran dan program antara pelajar kepada komuniti dan masyarakat setempat. Pelaksanaan ini dilakukan melalui penganjuran program yang berfokuskan kepada pengajaran dan pembelajaran dan perkongsian ilmu warga fakulti kepada komuniti seperti pelajar, pendidik dan penyelidik, tempatan dan antarabangsa (Rujuk BUKTI 3, Gambarajah 12: PI & Sasaran 2021). Antara contoh program yang dianjurkan adalah International Education Symposium 2021 (IES 2021) dan siri webinar. Projek ini diterajui oleh TDA. (**Rujuk Bukti 3, Gambarajah 13: Program di bawah inisiatif EDU REACH**)

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_P01_PB03_20221_EDU_2.3_BUKTI_1.pdf](#)
2. [F0034_P01_PB03_20222_EDU_2.3_BUKTI_2.pdf](#)

3. [F0034_P01_PB03_20223_EDU_2.3 BUKTI 3.pdf](#)

4.

5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Inisiatif yang telah dirancang perlu dipantau dengan teliti untuk memastikan sasaran Perancangan Strategik tercapai. Fakulti perlu mengenalpasti dan mengurus risiko yang dihadapi serta sentiasa berusaha membuat penambahbaikan ke atas inisiatif yang telah dirancang.

Oleh itu, Fakulti Pendidikan telah merangka pelan pemantauan yang sistematik bagi memantau dan menilai status pelaksanaan dalam tiga projek utama iaitu EDU SCHOLAR, EDU TEACH dan EDU REACH. Proses pemantauan ini merangkumi beberapa bahagian:

1. Pemantauan berkala setiap suku tahunan menerusi analisa pencapaian PI BTU (**Rujuk Bukti 1, Gambarajah 14: Pemantauan berdasarkan Laporan Pencapaian PI BTU**)
2. Pemantauan pencapaian PI di mesyuarat MPE berdasarkan input pelaporan suku tahunan perincian kepada ketiga-tiga projek utama sebagai bukti pemantauan dan keputusan berdasarkan maklumat yang diperolehi. (**Rujuk Bukti 2, Gambarajah 15: Pemantauan pencapaian PI di mesyuarat MPE**)

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_P01_PB04_PC01_20221_EDU_2.4.1 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_P01_PB04_PC01_20222_EDU_2.4.1 BUKTI 2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Fakulti Pendidikan telah mengenalpasti risiko dan diambil kira di dalam Perancangan Strategik supaya PTJ dapat mengambil tindakan mencegah dan mengatasi risiko tersebut. Risiko-risiko ini terbahagi kepada lima (5) aspek iaitu aspek strategik, kewangan, perundangan, operasi dan reputasi **(Rujuk pada Bukti 1, Gambarajah 16: Risiko bagi Inisiatif dikenalpasti dan dinyatakan dalam SAP).**

Namun begitu, risiko dominan yang dikenalpasti ialah:

- Kekangan peruntukan kewangan
- Kesyediaan tenaga pengajar dan kepakaran

Berdasarkan risiko yang dikenalpasti, pelan risiko dijalankan. **(Rujuk pada Bukti 2, Gambarajah 17: Risiko dan Pelan Pengurusan Risiko).**

Fakulti berhadapan dengan risiko-risiko ini dengan memfokuskan kepada objektif setiap inisiatif. Contohnya bagi keputusan strategik yang diambil oleh ACRULeT untuk menambah kekerapan penerbitan AJUE daripada 3 kali setahun pada tahun 2019 kepada 4 kali setahun pada tahun 2020 sangat memberi impak lonjakan yang besar. Pertambahan jumlah penerbitan setahun ini meletakkan AJUE di dalam kelas yang tersendiri memandangkan kekerapan biasa untuk penerbitan jurnal berwasit yang dikendalikan oleh universiti awam ialah 2 kali setahun sahaja. Inovasi yang dilakukan ini memberi peluang yang lebih tinggi kepada penyumbang-penyumbang artikel untuk menerbitkan artikel ilmiah mereka seterusnya menyumbang kepada peningkatan jumlah bilangan penerbitan fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_P01_PB04_PC02_20221_EDU_2.4.2_BUKTI_1.pdf](#)
2. [F0034_P01_PB04_PC02_20222_EDU_2.4.2_BUKTI_2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil analisa perancangan strategik dilaksanakan untuk tindakan penambahbaikan prestasi bagi mencapai kejayaan setiap projek. Kepimpinan kanan Fakulti Pendidikan sentiasa menyeru agar warga fakulti menghayati dan memahami kepentingan pencapaian PI melalui inisiatif yang telah dirancang. Sehubungan itu, pencapaian PI bagi tahun berakhir dikongsi dengan warga dengan harapan warga fakulti akan lebih rasa bertanggungjawab untuk menunaikan amanah yang diberi. Aspek kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman ditekankan kepada warga untuk kesedaran dan meningkatkan amalan pembudayaan kerja yang lebih positif dalam memastikan aspek-aspek ini digunakan dengan sebaiknya. Analisis SWOT (**Rujuk pada Bukti 1, Gambarajah 18: Analisis SWOT**), ini juga turut dibentangkan kepada Naib Canselor bagi menunjukkan kesungguhan pengurusan fakulti bagi memastikan inisiatif yang dirancang dilaksanakan dengan sempurna dan menyumbang kepada perancangan strategik UiTM 2025.

Inovasi penambahbaikan perancangan strategik dalam bidang tumpuan melibatkan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan sentiasa diberi keutamaan oleh pihak pengurusan fakulti. Hal ini dapat dilihat melalui pelbagai program di bawah inisiatif EDU SCHOLAR, EDU TEACH dan EDU REACH yang tetap aktif dilaksanakan secara maya walaupun negara masih berdepan dengan pandemik COVID19.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_P01_PB04_PC03_20221_EDU_2.4.3 BUKTI 1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Perancangan strategik yang rapi dapat memastikan setiap usaha dapat digembeleng dengan berkesan, tersusun dan dapat mencapai matlamatnya. Fakulti Pendidikan turut mengatur semula strategi bagi beberapa program yang perlu diteliti semula berikutan pandemik COVID-19 ini yang memerlukan kaedah pelaksanaan yang berbeza dan lebih sesuai. Timbalan-Timbalan Dekan yang bertindak sebagai peneraju projek sentiasa berbincang dengan jawatankuasa yang ditubuhkan untuk merancang semula kaedah pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut melalui mesyuarat mitigasi halatuju perancangan strategik. Pekeliling UiTM yang berkuatkuasa dijadikan sebagai rujukan dalam kaedah pelaksanaan serta penganjuran program sepanjang tempoh pandemik. **(Rujuk pada Bukti 1, Gambarajah 19: Pekeliling Pengemaskinian Pelaksanaan Pengoperasian UiTM).**

Dalam mengatasi kekangan yang disebabkan oleh pandemik COVID-19, amalan pembudayaan kerja norma baharu selalu diingatkan oleh pengurusan atas bagi memastikan minda kerja gaya baharu ini dapat diamalkan dan memastikan pencapaian objektif dan inisiatif strategik dilaksanakan dan seterusnya mencapai sasaran. Pelbagai inovasi telah dimanfaatkan dalam memastikan pembudayaan di peringkat fakulti, UiTM dan Malaysia sentiasa berterusan.

Perkongsian maklumat kepada warga fakulti melalui perkongsian pencapaian sasaran fakulti dikongsi bersama warga dari masa ke semasa melalui ruang yang santai (Whatsapp) dan juga perkongsian dokumen strategik di Google Drive bagi melancarkan proses penilaian dan pengukuran prestasi fakulti **(Rujuk pada Bukti 2, Gambarajah 20: Platform perkongsian dokumen strategik).**

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_P01_PB05_20221_EDU_2.5 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_P01_PB05_20222_EDU_2.5 BUKTI 2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelaporan untuk kriteria ini memfokuskan kepada tiga projek utama Fakulti Pendidikan (FPend) iaitu program Service-Learning Malaysia-University for Society (SULAM); ArtSmart dan Larian Virtual Rentas Desa Kebangsaan 2021 (VERDIK21). Ketiga-tiga projek ini adalah berteraskan kesukarelawan dengan tumpuan khusus kepada golongan sasaran yang terdiri daripada komuniti (masyarakat).

Service-Learning Malaysia-University for Society (SULAM) merupakan model pengajaran dan pembelajaran melibatkan universiti secara aktif di dalam komuniti dengan fokus kepada penyelesaian masalah dan/atau peningkatan kualiti serta gaya hidup. SULAM adalah hasil perancangan strategik FPend yang ditunjangkan kepada lima program akademik yang berbeza iaitu Pendidikan Seni dan Senireka untuk kursus Craft Design and Society (ADE630); Pendidikan Jasmani dan Kesihatan melalui kursus Movement Education (SED 612); dan tiga program di bawah Jabatan Pendidikan Sains iaitu Pendidikan Biologi, Pendidikan Kimia dan Pendidikan Fizik melalui kursus Science Technology and Society (SCE523). ArtSmart merupakan program flagship Jabatan Pendidikan Seni dan Senireka yang dianjurkan secara bersiri setiap tahun. Menariknya bagi penganjuran ArtSmart untuk 2021 ialah tumpuan kepada komuniti usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) sebagai kumpulan sasaran. Manakala Larian Virtual Rentas Desa Kebangsaan 2021 (VERDIK21) merupakan program sukarelawan merentas desa atas talian peringkat kebangsaan yang dilaksanakan sebagai memenuhi keperluan komuniti sekolah yang kemarau program-program Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK) akibat ancaman Covid-19. VERDIK21 telah berjaya menarik penyertaan daripada 30,276 pelajar sekolah rendah dan menengah seluruh negara dan menempa nama di dalam *Malaysia Book of Records*.

Daripada aspek Perancangan (Plan), penganjuran ketiga-tiga projek ini menjawab keperluan komuniti berdasarkan dapatan daripada pengumpulan data dan analisa; berteraskan perkongsian pengetahuan. Perancangan SULAM FPend dan ArtSmart mengambilkira keperluan kursus dan aspek kemenjadian pelajar serta kaitan kedua-dua perkara dalam memenuhi keperluan komuniti yang disasarkan. Perancangan VERDIK21 pula dilaksanakan bersama rakan kerjasama iaitu jabatan-jabatan pendidikan negeri dalam mengenalpasti keperluan komuniti sasaran dan menentukan penganjuran program yang relevan dan berimpak dalam menyelesaikan isu PAJSK yang dihadapi oleh pihak sekolah.

Pelaksanaan (Do) tiga projek ini menitikberatkan elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan; dimominasi mod atas talian/hybrid dalam memastikan aspek pencegahan risiko terutamanya jangkitan virus Covid-19 diberikan keutamaan. Sebagai contoh, inovasi yang diintegrasikan di dalam VERDIK21 ialah mod larian di atas talian mengikut fleksibiliti lokasi dan keupayaan peserta. Ini sangat berbeza dengan kaedah merentas desa yang dilaksanakan secara tradisional di mana pelajar perlu menamatkan larian mengikut tempoh masa dan jarak yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah.

Pemantauan (Check) pula dijalankan sekurang-kurangnya pada dua fasa pelaksanaan projek: ketika projek berlangsung untuk penambahbaikan berterusan dan selepas projek selesai untuk analisa dan penambahbaikan projek di masa akan datang. Pemantauan yang dilakukan semasa projek masih berlangsung membolehkan VERDIK21 ditambahbaik walaupun masih dalam fasa pelaksanaan. Mekanisme pemantauan meliputi saluran komunikasi yang berkesan dengan golongan sasaran melalui jabatan-jabatan pendidikan di peringkat negeri.

Penambahbaikan (Act) dilakukan pada 2 fasa: semasa projek berlangsung dan selepas. Ketiga-tiga projek sukarelawan untuk bidang tumpuan ini berjalan dalam tempoh masa yang agak lama membolehkan penambahbaikan dilakukan untuk projek seterusnya (SULAM) dan untuk aspek-aspek perjalanan program (artSmart dan VERDIK21). Sebagai contoh, penawaran projek SULAM mod hybrid dilaksanakan setelah data maklumbalas mendapati komuniti yang

disasarkan berpendapat proses bersemuka memberikan dampak yang lebih tinggi.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kumpulan sasaran **SULAM** terdiri daripada 2 kategori: masyarakat setempat; dan pelanggan luaran berkepentingan seperti industri dan pemegang taruh (**rujuk Bukti 1: Jadual 1**).

Penglibatan rakan industri FPend, pelaksanaan mod hibrid, dan penekanan kepada aspek hands-on adalah elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan untuk projek-projek SULAM. Sebagai contoh, **Bicara Santun Budaya** melibatkan pelajar Pendidikan Seni dan Senireka FPend; rakan industri FPend iaitu Rumah Seni Selangor (RUSSEL) dan Galeri Shah Alam; serta komuniti sasaran iaitu Pusat Perkembangan Kemahiran Kebangsaan Serendah (PPKKS) dan SMK Seksyen 16, Shah Alam (**rujuk Bukti 1: Gambarajah 1**). Mod hibrid untuk G-Bag: Bio-Inspeltic berdasarkan maklumbalas komuniti untuk projek-projek terdahulu dengan aktiviti bersemuka melibatkan penduduk-penduduk kampung dari 6 negeri dan aktiviti atas talian untuk komuniti sasaran dengan akses internet.

ArtSmart Siri 6 didasari pelbagai elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan. Model ArtSmart sendiri merupakan inovasi dalam penganjuran program. ArtSmart kali ini menyediakan bimbingan secara terus kepada kumpulan sasaran utama iaitu 27 usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dari komuniti Paya Besar, Kuantan, Pahang (**rujuk Bukti 2: Jadual 2**). Pemilihan berdasarkan senarai oleh Pusat Komuniti Paya Besar di mana kesemua usahawan ini pernah menghadiri kursus/ bengkel di situ. 27 usahawan dikenalpasti oleh FPend berdasarkan kriteria potensi produk, kesediaan menyertai projek, approachability dan akses FPend kepada usahawan dan produk yang dipasarkan.

Aspek perkongsian pengetahuan ialah kepakaran para pelajar Pendidikan Seni dan Senireka FPend dalam bentuk sokongan/bantuan yang meliputi rekabentuk dan teknologi pakej dan pembungkusan produk, pengiklanan, dan pemasaran khususnya bimbingan pengisian digital. Rata-rata perusahaan yang terlibat terkesan dengan pandemik, justeru bimbingan pemasaran pelantar digital amat penting (**rujuk Bukti 3: Jadual 3**).

Terdapat 4 aktiviti enrichment berasingan dengan kumpulan sasaran yang berbeza-beza iaitu Lunch Hour Talk, Pocket Talk, Pitching dan Virtual Carnival (**rujuk Bukti 4: Gambarajah 2**). Aktiviti dijalankan atas talian dengan sasaran usahawan luar dan masyarakat umum. Virtual Carnival contohnya, membariskan usahawan dan selebriti/usahawan terkenal antaranya Dato' Haji Rizalman Ibrahim, Chef Wan dan Erma Fatima dengan pengisian memfokuskan kepada isu/ cabaran fasa pandemik serta bimbingan perkembangan perusahaan (**rujuk Bukti 4: Gambarajah 3**).

Sasaran utama **VERDIK21** ialah para pelajar sekolah rendah dan menengah seluruh negara. Namun VERDIK21 turut mensasarkan warga sekolah yang lain (pengurusan dan guru) serta pemegang taruh iaitu ibu bapa dan masyarakat sekeliling. Program dijalankan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) dengan kolaborasi jabatan pendidikan kesemua negeri lain dan Wilayah Persekutuan (**rujuk Bukti 5: Jadual 4**).

Elemen inovasi yang diperkenalkan sangat berkait dengan aspek pencegahan risiko jangkitan Covid-19, fleksibiliti peserta serta kepentingan gaya hidup sihat. Peserta bebas untuk menghabiskan larian mengikut kesesuaian lokasi, keupayaan dan keselamatan, contoh, lari di kawasan rumah, taman rekreasi, treadmill, yang penting peserta melengkapkan jarak larian mengikut kategori masing-masing berbanding dengan acara yang sama yang dianjurkan organisasi lain yang menetapkan trek dan aplikasi yang khusus sambil memberi fleksibiliti kepada peserta namun mampu untuk mencapai objektif program.

Untuk perkongsian pengetahuan, maklumat disalurkan kepada golongan sasaran melalui pelantar Facebook, YouTube dan laman web FPend. Peserta disediakan pautan-pautan dan informasi seperti pendaftaran, drive google untuk bukti larian dan sebagainya (**rujuk Bukti 5: Gambarajah 4 & 5**).

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_T01_TB02_20221_EDU_3.2_BUKTI_1.pdf](#)
2. [F0034_T01_TB02_20222_EDU_3.2_BUKTI_2.pdf](#)
3. [F0034_T01_TB02_20223_EDU_3.2_BUKTI_3.pdf](#)
4. [F0034_T01_TB02_20224_EDU_3.2_BUKTI_4.pdf](#)
5. [F0034_T01_TB02_20225_EDU_3.2_BUKTI_5.pdf](#)

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Penganjuran projek **SULAM** mempunyai matlamat perkongsian pengetahuan kepada komuniti dan masyarakat. Bagi mencapai matlamat tersebut, kesemua aktiviti SULAM FPend bukan sahaja dilaksanakan di peringkat fakulti dan UiTM malahan turut dilaksanakan di peringkat masyarakat luar UiTM seperti pelajar, guru dan institusi pendidikan yang lain, penduduk kampung, pelajar dan pensyarah IPT dalam dan luar negara. Ini telah melangkaui aras 6 pada rubrik kriteria proses. Sebagai contoh program **Buli Siber: Jenayah di Sebalik Skrin** di mana golongan sasaran terdiri daripada komuniti SMK Senawang, Negeri Sembilan, dan UiTM seluruh Malaysia. (Rajah 3.6). Program G-Bag: Bio-Inspeltic juga melibatkan penduduk-penduduk kampung di 6 negeri manakala Projek Ikhlas menerima pernyataan dari universiti luar negara iaitu pelajar dan pensyarah Universitas Yogyakarta (**rujuk Bukti 1: Gambarajah 6**).

ArtSmart dilaksanakan secara langsung (bersemuka) dan atas talian. Sasaran utama ArtSmart ialah 27 orang usahawan komuniti Paya Besar, Kuantan, Pahang, yang diberikan bimbingan secara langsung melibatkan aspek pempakejan dan pembungkusan produk, pengiklanan, pemasaran dan bimbingan pengisian digital (**rujuk Bukti 2: Gambarajah 7 & 8**). Di samping itu, ArtSmart turut mensasarkan usahawan-usahawan lain seluruh Malaysia menerusi sesi Pocket Talk dan Lunch Hour Talk. Kedua-dua webinar ini mengetengahkan usahawan-usahawan berjaya yang juga rakan industri FPend sebagai dorongan semangat dan motivasi kepada usahawan-usahawan lain, juga perkongsian pengetahuan dan dorongan kepada para pelajar dan masyarakat umum. Melalui Virtual Carnival 'Majlis Perasmian Penutupan Projek ArtSmart Siri 6 Relook & Rebrand' sasaran perkongsian pengetahuan ialah usahawan-usahawan seluruh Malaysia dan warga UiTM yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar. Majlis telah distrim secara langsung di EDUTube saluran rasmi YouTube Fakulti Pendidikan (**rujuk Bukti 2: Gambarajah 9**). View count bagi keseluruhan sesi webinar majlis ini menunjukkan bahawa program telah mendapat sambutan luar biasa.

VERDIK21 merupakan program larian rentas desa secara virtual berskala besar yang pertama dilakukan di Malaysia dengan kerjasama pelbagai pihak termasuk Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri dan media yang memberi fokus kepada setiap lapisan masyarakat bermula dari pelajar sekolah, ibu bapa, guru-guru, masyarakat sekeliling dan negara. Pada peringkat awal perancangan, pihak yang terlibat dihubungi secara terus melalui talian rasmi dan dibantu oleh alumni Fakulti Pendidikan. Satu 'whatsapp group' diwujudkan bagi menghimpunkan wakil-wakil pihak yang terlibat bagi memudahkan perbincangan dan komunikasi sepanjang program ini berlangsung (**rujuk Bukti 3: Gambarajah 10**). Segala maklumat dan informasi yang perlu disampaikan kepada para peserta dibantu oleh pihak Jabatan Pendidikan Negeri masing-masing dan maklumat umum dipaparkan di laman web FPend. Pengumpulan data peserta adalah melalui 'Google Form' bagi memudahkan semua pihak samada untuk pendaftaran mahupun pengurusan maklumat (**rujuk Bukti 4: Gambarajah 11**). Hanya FPend sahaja mempunyai akses kepada maklumat peserta bagi menjaga kerahsiaan maklumat peribadi peserta dan ahli keluarga sebagai langkah keselamatan. Setiap peserta dikenalpasti melalui nombor kad pengenalan, alamat, dan nama sekolah untuk memudahkan pengurusan maklumat. Disebabkan program ini dilaksanakan secara serentak di seluruh negara, FPend memerlukan bantuan rakan kerjasama bagi mengenalpasti permasalahan yang timbul untuk diselesaikan segera.

Perbincangan dan pembuktian untuk aspek ini jelas menunjukkan ketiga-tiga projek telah melangkaui aras 6 pada rubrik kriteria proses.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_T01_TB03_20221_EDU_3.3_BUKTI_1.pdf](#)

2. [F0034_T01_TB03_20222_EDU_3.3 BUKTI 2.ppt](#)
3. [F0034_T01_TB03_20223_EDU_3.3 BUKTI 3.pdf](#)
4. [F0034_T01_TB03_20224_EDU_3.3 BUKTI 4.pdf](#)
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Ketiga-tiga projek kesukarelawan ini mengaplikasikan pemantauan berterusan untuk tujuan kajisemula pengurusan dan penambahbaikan penawaran program semasa fasa pelaksanaan dan penganjuran program akan datang. Sebagai contoh, FPend mengkaji semula pengurusan dan penganjuran projek SULAM yang seterusnya bagi tahun 2021 berdasarkan maklumbalas komuniti untuk projek-projek yang dilaksanakan awal 2021. Sebagai contoh, analisa maklumbalas projek Buli Siber dan Basic Medicine Unfold menunjukkan komuniti terlibat menyarankan pelaksanaan aktiviti secara bersemuka terutama bagi komuniti setempat yang terpencil dan jauh dari capaian jalur lebar kerana menghadkan proses perkongsian dan pemindahan pengetahuan (**rujuk Bukti 1: Gambarajah 12**). Hasilnya projek-projek SULAM seterusnya ditawarkan secara hibrid (dengan mengambilkira aspek pencegahan risiko), sebagai contoh projek **G Bag: Bio-Inspeltic** yang dikendalikan secara bersemuka dan atas talian dengan pengisian yang berbeza bagi kedua-dua mod ini.

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_T01_TB04_TC01_20221_EDU_3.4.1 BUKTI 1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Telah menjadi amalan FPend untuk mengenalpasti risiko dan setelah jenis risiko dikenalpasti, tahap risiko dinilai dan di kategorikan kepada tiga kategori iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Berdasarkan tahap risiko, langkah pencegahan risiko diperhalusi dan dirancang dengan mengambilkira kepentingan setiap golongan sasaran dan juga FPend sendiri (**rujuk Bukti 1: Jadual 5**).

Bagi pelaksanaan projek yang berskala besar seperti VERDIK21 pula, kemampuan mengenalpasti isu-isu yang bakal timbul dan merancang strategi pencegahan merupakan aspek yang sangat penting. Dalam memastikan kelancaran pengurusan 30,276 peserta VERDIK21, saluran komunikasi yang berkesan sangat penting. Oleh itu, peranan rakan-rakan kerjasama di pihak jabatan pendidikan negeri seluruh Malaysia sangat penting untuk memastikan maklumat yang tepat disalurkan kepada pengurusan sekolah, guru dan pelajar dan untuk sebarang isu dapat dikenalpasti dan diselesaikan dengan segera. Selain itu, platform media sosial dan web digunakan untuk menyampaikan maklumat kepada semua golongan sasaran dengan pemastian maklumat yang disampaikan adalah konsisten (**rujuk Bukti 2: Gambarajah 13**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_T01_TB04_TC02_20221_EDU_3.4.2 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_T01_TB04_TC02_20222_EDU_3.4.2 BUKTI 2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Perkongsian Warga Jabatan

Penganjuran projek berskala besar memerlukan reactive planning, fleksibiliti dan kemampuan membuat keputusan yang berimpak dengan segera. JK Penganjur yang terdiri daripada pensyarah dan pelajar dibahagikan kepada sub-unit mengikut skop bidang tugas masing-masing dan autonomi untuk membuat keputusan di peringkat tertentu. Maklumbalas berterusan daripada peserta dan pihak sekolah melalui Jabatan-jabatan Pendidikan Negeri digunakan sebagai asas untuk menambahbaik penganjuran program semasa program masih berlangsung.

Senada dengan VERDIK21, maklumbalas dan data SULAM dibentang dan dibincangkan dengan warga FPend khususnya pimpinan tertinggi, penyelaras dan pensyarah-pensyarah SULAM. Pihak yang terlibat menggunakan data yang dibentangkan untuk kajisemula pengurusan (**rujuk Bukti 1: Gambarajah 14**). Berdasarkan pembuktian yang dilakukan, jelaslah bahawa FPend melaksanakan proses pembelajaran dan pemantauan berterusan untuk kajisemula dan penambahbaikan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_T01_TB04_TC03_20221_EDU_3.4.3 BUKTI 1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Amalan dan pembudayaan aktiviti **SULAM** yang diketengahkan oleh FPend boleh dirumuskan kepada golongan sasaran dan FPend sendiri. Di peringkat FPend, budaya penambahbaikan berterusan atau pembelajaran sepanjang hayat di mana FPend sentiasa menambahbaik aktiviti SULAM dari satu aktiviti ke aktiviti seterusnya melalui elemen pengumpulan data maklumbalas dan tindakan penambahbaikan (**rujuk Bukti 1:Graf 1**).

Bagi golongan sasar SULAM komuniti seluruh Malaysia dan luar negara, perkongsian ilmu pengetahuan seperti pengendalian ubatan yang betul, mengenali dan mengatasi buli siber dan penggunaan G-bag oleh penduduk setempat berdasarkan analisa yang dilakukan kepada komuniti untuk melihat kesedaran dan amalan berterusan komuniti terlibat. Pembudayaan perkongsian ilmu dan amalan berterusan ini akan meningkatkan kualiti hidup komuniti, seterusnya melahirkan komuniti yang sejahtera (**rujuk Bukti 1:Graf 1**). Selain itu, pelaporan di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi juga menunjukkan amalan dan pembudayaan aktiviti SULAM FPend akan terus disebar dan diamalkan kepada komuniti setempat (**rujuk Bukti 2: Gambarajah 15**). Walaupun komuniti setempat ini mensasarkan masyarakat di lokaliti tertentu sahaja, secara kolektif siri aktiviti SULAM yang dijalankan melibatkan hampir kesemua negeri di Malaysia. Terdapat juga aktiviti SULAM yang disertai pelajar dan pensyarah universiti luar negara. Jadi dapatlah disimpulkan pembudayaan gaya hidup sihat dan impak perkongsian pengetahuan projek SULAM FPend merentasi komuniti dalam dan luar negara.

Selain menjadi nilai tambah kepada pendekatan pembelajaran yang lebih kontekstual, projek **artSmart siri 6** diyakini mampu menyediakan mahasiswa selaku bakal pendidik yang holistik dan berdaya saing. Paling penting, pembudayaan pengisian artSmart bukan sekadar menambahbaik kehidupan sehari-hari dan perkongsian pengetahuan. Bimbingan yang memobilisasikan kepakaran pelajar FPend telah berjaya mentransformasikan produk 27 usahawan PKS selain meletakkan produk-produk mereka di pelantar digital. Selain itu, artSmart turut melibatkan usahawan-usahawan lain seluruh Malaysia sebagai golongan sasaran melalui aktiviti-aktiviti lain seperti Pocket Talk, Lunch Hour Talk, Pitching serta Majlis Perasmian dan Penutupan yang turut membariskan sesi-sesi webinar usahawan serta selebriti/usahawan yang terkemuka.

Penganjuran **VERDIK21** telah meningkatkan pembudayaan amalan baik pelajar FPend dalam menguruskan acara sebegini diperingkat kebangsaan yang melibatkan rakan-rakan industri, agensi kerajaan dan bukan kerajaan. Selain itu terdapat juga pembudayaan gaya hidup sihat dalam kalangan komuniti sekolah di seluruh negara dan juga memupuk semangat kesukarelawanan di kalangan komuniti pelajar. Selain meningkatkan hubungan baik di antara Fakulti Pendidikan, alumni, agensi kerajaan dan bukan kerajaan dan juga orang ramai, dapat dilihat juga hubungan baik yang berterusan di antara semua pihak dalam menjalankan program-program yang lain.

Berdasarkan pembuktian yang dibentangkan jelaslah ketiga-tiga projek kesukarelawan tumpuan pelanggan ini telah berjaya dilaksanakan dengan fokus kepada sasaran komuniti seluruh negara.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_T01_TB05_20221_EDU_3.5_BUKTI_1.pdf](#)
2. [F0034_T01_TB05_20222_EDU_3.5_BUKTI_2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi memberikan gambaran spesifik terhadap amalan pengukuran yang dilaksanakan bagi tujuan penambahbaikan dan inovasi, laporan ini memfokuskan kepada **DUA PROJEK UTAMA** iaitu **Verdik 2021** dan **Asian Journal of University Education (AJUE)**.

Program Verdik 2021 adalah anjuran bersama Unit Sukan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, UiTM Cawangan Selangor bersama Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian. VERDIK2021 berlangsung secara maya sepanjang 27 Mac sehingga 10 April 2021. Objektif utama program ini adalah untuk menggalakkan gaya hidup sihat di kalangan murid-murid sekolah terutama semasa pandemik Covid-19 selari dengan SDG Goal 3: Good Health and Well-being. Program ini turut memberi peluang kepada pelajar-pelajar sekolah untuk memenuhi keperluan Pentaksiran Aktiviti Jasmani dan Kokurikulum (PAJSK) yang terjejas akibat pandemik Covid-19.

AJUE merupakan jurnal Scopus berimpak tinggi yang menjadi platform kepada komuniti, pendidik dan penyelidik berkongsi hasil kajian yang telah mereka jalankan bersama rakan kolaborasi yang terdiri dari penyelidik dalam dan luar negara serta turut melibatkan industri. AJUE berfokus kepada pembelajaran di pusat pengajian tinggi atau pendidikan di sekolah yang mempunyai kesan secara langsung terhadap landskap pendidikan sama ada diperingkat pengajian tinggi mahupun di sekolah rendah dan menengah. AJUE telah dinaik taraf dari jurnal Q4 pada tahun 2021 kepada Q3 pada Mei tahun 2022.

Verdik 2021 melibatkan penyertaan aktif para pelajar serta guru-guru dari 14 buah sekolah rendah dan menengah dari sekitar Selangor, Kuala Lumpur, Kelantan, Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Turut terlibat menjayakan program adalah pegawai-pegawai sukan UiTM Selangor, para pensyarah serta pelajar dari Fakulti Pendidikan. Sebagai jurnal berindeks berimpak tinggi, penerbitan didalam AJUE pula melibatkan penghantaran artikel-artikel berkualiti tinggi hasil penyelidikan komuniti akademik khususnya penyelidik dan pendidik terutama daripada para pensyarah universiti awam serta swasta tempatan dan antarabangsa, para pelajar pasca siswazah PhD dan Master serta dari pegawai-pegawai pendidikan tinggi dan guru-guru. Pemilihan artikel yang ketat juga melibatkan kerjasama penilai-penilai dari Fakulti Pendidikan dan luar negara.

Murid-murid sekolah yang menjadi peserta Verdik 2021 telah memperolehi manfaat yang positif melalui cara pembudayaan gaya hidup sihat. Malah mereka berpeluang meningkatkan pencapaian aktiviti kokurikulum yang terhad pelaksanaannya akibat pandemik Covid-19. Mahasiswa di Fakulti Pendidikan yang menjalani pengajian bidang perguruan turut memperolehi manfaat terutama dalam aspek kesukarelawanan melalui sumbangan kepada komuniti murid-murid sekolah disamping mempraktikkan nilai-nilai murni sepanjang pengurusan acara. AJUE pula seringkali menerima artikel yang banyak untuk dinilai dan diterbitkan. Kualiti artikel yang diterbitkan sangat dititikberatkan di mana saringan dilakukan beberapa kali di peringkat penilai. Malah untuk tahun 2021, pihak editor turut menjalankan penilaian sekali lagi sebelum artikel-artikel diluluskan untuk penerbitan. Kekekapan penerbitan juga telah ditingkatkan daripada dua dan tiga keluaran kepada empat kali setahun. Mekanisme ini terbukti berkesan kerana AJUE dinaik taraf dari jurnal Q4 (2021) kepada Q3 pada tahun ini dengan H-index 7 dengan jumlah artikel 20-25 setiap isu secara konsisten.

Laporan ini menekankan komitmen dan dedikasi Fakulti Pendidikan memacu sumber dan tenaga untuk merealisasikan visi universiti. Sistem serta prosedur pengukuran yang berimpak tinggi diaplikasikan di peringkat pengurusan kanan fakulti didalam proses membuat keputusan berkaitan DUA PROJEK UTAMANYA iaitu Verdik 2021 dan *Asian Journal of University Education (AJUE)*.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

AJUE

Pencapaian AJUE di bawah kendalian Asian Center for Research on University Learning and Teaching (ACRULet) dapat diukur melalui kualiti penulisan yang disumbangkan penulis. Skop AJUE antaranya adalah pendidikan tinggi, PnP Abad ke-21, Pentaksiran dan Penilaian, Pollisi dan Pembangunan kurikulum, ekuiti dalam pendidikan, kualiti dalam pendidikan, pengurusan pendidikan dan kepimpinan serta kelestarian pendidikan dalam menghadapi cabaran landskap pendidikan baharu. Bagi memastikan kualiti artikel yang diterbitkan di dalam jurnal berindeks ini terjamin, penulis perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak pengurusan jurnal.

(Rujuk Bukti 1: Paper Submission Guideline). Kualiti artikel yang dipaparkan juga perlulah memenuhi standard berkualiti bagi mencerminkan AJUE sebagai jurnal Q4 pada tahun 2021.

(Rujuk Bukti 1: Paper Review Flowchart). Hasil daripada proses penghantaran artikel yang teliti dan rapi ini, AJUE telah dinaik taraf ke jurnal Q3 pada tahun 2022. Selain Scopus, AJUE turut diindeks antaranya oleh Asean Citation Index, MyCite, Asian Digital Library, ERIC Institute of Education Sciences, OCLC WorldCat, dan Google Scholar **(Rujuk Bukti 2: AJUE Indexing)**.

Perkongsian pengetahuan juga terjadi apabila panel penilai berkongsi maklumbalas terhadap artikel yang dinilai dari segi penambahbaikan yang boleh dibuat **(Rujuk Bukti 2: AJUE reviewer feedback)** Selain itu sejak tahun 2021, jurnal ini juga telah menjalani inovasi dari segi penghantaran artikel di mana sistem ScholarOne (Clarivate Analytics) digunakan.

Penghantaran yang sebelum ini melalui email telah diubah dengan menghantar terus ke sistem ini **(Rujuk Bukti 2: AJUE Submission system)**. Sistem ini, memudahkan pengurusan menjadi lebih efektif, efisien dan ekonomikal.

VERDIK 2021

Program Larian Virtual Rentas Desa Kebangsaan (VERDIK21) telah dirancang secara sistematik dengan mensasarkan 3 objektif utama yang menjadikan program ini signifikan dan memberi impak kepada komuniti pelajar sekolah iaitu, inovasi program dari segi maya, usaha mendapatkan pengiktirafan dari Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk tujuan pemarkahan PAJSK dan pengiktirafan *Malaysian Book of Records* untuk penganjuran larian virtual dengan jumlah peserta tertinggi dari sekolah.

Mekanisma menentukan pemenang adalah berdasarkan prestasi larian terpantas pelajar. Kelayakan untuk mendapat markah dalam pentaksiran PAJSK ialah menamatkan larian mengikut jarak dalam kategori masing-masing dan memuatnaik bukti larian ke dalam platform e-Run. **(Rujuk Bukti 3: Pengiktirafan PAJSK)**. Peserta diberi kebebasan untuk menghabiskan larian mengikut kesesuaian lokasi, keupayaan dan keselamatan seperti lari di kawasan rumah, taman rekreasi, treadmill dan sebagainya. Peserta harus melengkapkan jarak larian mengikut kategori, fleksibiliti dan kemampuan masing-masing demi untuk mencapai objektif program.

Maklumat telah disalurkan kepada peserta, warga sekolah dan orang awam melalui platform-platform seperti akaun rasmi Fakulti Pendidikan di Facebook dan saluran rasmi Fakulti Pendidikan di Youtube. Link serta pautan telah diberi kepada peserta untuk mendapatkan maklumat penting seperti pendaftaran, Google Drive untuk bukti larian dan sebagainya **(Rujuk Bukti 4: Borang Pendaftaran)**.

Untuk penambahbaikan secara berterusan, borang maklum balas telah diedarkan kepada guru-guru sekolah, ibu bapa dan juga para peserta. Dengan adanya maklumat dari borang maklum balas ini, segala kekurangan dan kelemahan program dapat ditambahbaik untuk penganjuran dimasa akan datang **(Rujuk Bukti 4: Borang Maklumbalas)**.

Penganjuran VERDIK2021 ini juga dapat membantu mempromosi dan meningkatkan gaya hidup sihat serta mempertingkatkan jatidiri pelajar demi kemajuan komuniti sejagat dalam usaha menyokong SDG Goal 3: Good Health and Wellbeing.

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_A01_AB02_20221_EDU_4.2_BUKTI_1.pdf](#)
2. [F0034_A01_AB02_20222_EDU_4.2_BUKTI_2.pdf](#)
3. [F0034_A01_AB02_20223_EDU_4.2_BUKTI_3.pdf](#)
4. [F0034_A01_AB02_20224_EDU_4.2_BUKTI_4.pdf](#)

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

AJUE

Pemilihan artikel untuk AJUE dijalankan dengan teliti dan rapi di mana panel penilai atau reviewer jurnal berindeks yang dilantik bukan sahaja dari Fakulti Pendidikan, UiTM malahan juga dari luar negara. Panel penilai luar dan dalam negara terdiri daripada alumni dan juga ahli komuniti akademik. Panel penilai yang dipilih bertanggungjawab menilai artikel yang berkualiti untuk diterbitkan di dalam jurnal ini. Selain itu, untuk setiap keluaran AJUE, artikel yang dipaparkan juga perlu memenuhi kriteria kepelbagaian geografi (diversity by geography) di mana artikel perlu datang dari empat kumpulan iaitu (1)Fakulti Pendidikan (2) UiTM (3) dalam Malaysia dan (4) luar negara. Skop jurnal AJUE berfokus kepada isu-isu pembelajaran di pusat pengajian tinggi dan pendidikan di sekolah yang mempunyai kesan langsung terhadap pendidikan tinggi negara (**Rujuk Bukti 1: Skop Jurnal AJUE**). Selain dari penulisan yang diterbitkan perlu mengikut skop dan tema jurnal, artikel yang diterima dan diterbitkan menunjukkan kepelbagaian amalan pendidikan berdasarkan situasi semasa landskap pendidikan dari negara negara berlainan demografik. Ini menjadikan sesebuah artikel atau jurnal menampakkan keserjanaan dan mampu menarik ramai penyelidik untuk merujuk jurnal ini seterusnya membantu AJUE untuk meningkatkan sitasi indeks nya.

VEDIK 2021

Pandemik Covid -19 yang melanda seluruh dunia telah menjejaskan sistem pentaksiran PAJSK di sekolah kerana aktiviti bersemuka tidak dapat dilaksanakan. Oleh yang demikian VERDIK 2021 merupakan program secara maya yang mampu membantu komuniti murid sekolah untuk memperolehi markah bagi melengkapkan pentaksiran PAJSK (**Rujuk Bukti 2: Pengiktirafan Markah Kokurikulum Penglibatan Murid bagi Program Verdik21**). Pelaksanaan VERDIK 21 telah disasarkan ke seluruh negara merangkumi seluruh sistem sekolah di bawah Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat pendidikan daerah, Sekolah-sekolah agama, Maktab Rendah Sains MARA, KPM dan sistem UiTM. Program ini juga telah mendapat liputan dari Buletin Utama TV3 dan Didik TV, selain dimuatnaik ke saluran rasmi Fakulti Pendidikan iaitu EduTube. (**Rujuk Pautan dalam Bukti 3: Laporan Virtual Run**) Pengiktirafan dari MBOR juga merupakan satu rekod baharu kebangsaan yang telah berjaya merentas keseluruhan negara (**Rujuk Bukti 2: Pengiktirafan dari *The Malaysia Book of Records* (MBOR)**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_A01_AB03_20221_EDU_4.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_A01_AB03_20222_EDU_4.3 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_A01_AB03_20223_laporan virtual run latest.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

AJUE

Tiga parameter utama yang perlu dipantau dan maklumbalasnya dianalisa bagi penambahbaikan berterusan. Ini bagi memastikan keutuhan jaringan bersama rakan kolaborasi dan komuniti penyelidik sentiasa dikekalkan. Tiga perkara ada jumlah artikel yang banyak, pengurusan jurnal yang lebih efektif dan efisien dan seterusnya sokongan penilaian atau reviewer bagi menjamin kualiti artikel yang diterbitkan.

Sebagai sebuah jurnal berwasit berstatus Scopus, AJUE seringkali mendapat jumlah artikel yang banyak. Justeru, pihak ACRULET telah mengambil inisiatif untuk menambah jumlah penerbitan dalam setahun sebagai usaha menambahbaik jumlah artikel yang boleh diterbitkan dalam setahun. Bermula dengan penerbitan 2 kali setahun, diikuti dengan 3 kali setahun, kini penerbitan AJUE adalah sebanyak 4 kali setahun (**Rujuk Bukti 1: Ke kerap an Penerbitan AJUE**). Artikel yang diterbitkan perlu memenuhi empat kepelbagaian geografi (diversity by geography). Hasil daripada kekerapan penerbitan ini, alumni dan komuniti akademik mempunyai peluang yang lebih besar untuk menerbitkan artikel di dalam AJUE.

Transformasi pengurusan secara manual kepada penggunaan ScholarOne sebagai platform memudahkan pengurusan jurnal ini memandangkan dunia penerbitan ilmiah terus berkembang, dan fakulti memerlukan penyelesaian yang boleh dipercayai yang boleh disesuaikan dan fleksibel dengan keperluan semasa yang berubah-ubah.

Dengan Manuskrip ScholarOne, team AJUE boleh menyelaraskan pengurusan jurnal dengan strategi mudah dan dapat mewujudkan aliran kerja yang lebih cekap, menarik dan mengekalkan kumpulan penyemak dan pengarang yang lebih luas, dengan menggunakan model terbuka. Usaha ini dapat mengekalkan dan membina prestij dalam landskap penerbitan dengan memberi penyelesaian yang melindungi dan mengurus data penerbitan dan reputasi FPend dan Universiti.

VEDIK 2021

Verdik21 juga mengambil kira maklum balas dari semua pihak, melalui beberapa saluran berbeza, seperti emel rasmi dimana pelajar perlu mengisi borang maklum balas melalui pautan yang diberi sebelum menerima sijil masing-masing. Selain itu, peserta dan guru-guru sekolah yang terlibat juga dijemput untuk menyuarakan cadangan dan pendapat melalui emel rasmi dan aplikasi Whatsapp untuk tujuan penambahbaikan. (**Rujuk Bukti 2: Maklumbalas melalui aplikasi Whatsapp**).

Data daripada maklum balas ini telah dikaji bagi tujuan penambahbaikan dalam pengendalian program-program secara maya di masa hadapan. (**Rujuk Bukti 3: Impact Form Virtual Run**) Analisis statistik deskriptif daripada soal selidik Verdik21 menunjukkan betapa pentingnya larian ini kepada pelajar-pelajar untuk mengumpul markah PAJSK. (**Rujuk Bukti 4: Laporan Virtual Run**)

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_A01_AB04_AC01_20221_EDU_4.4.1_BUKTI_1.pdf](#)
2. [F0034_A01_AB04_AC01_20222_EDU_4.4.1_BUKTI_2.pdf](#)
3. [F0034_A01_AB04_AC01_20223_Impact Form Virtual Run.pdf](#)
4. [F0034_A01_AB04_AC01_20224_laporan virtual run_latest.pdf](#)

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

AJUE

Tiga risiko telah dikenalpasti. Risiko pertama adalah jumlah artikel yang dihantar penulis dari empat kepelbagaian geografi untuk dipertimbangkan penerbitannya adalah tinggi. Justeru, risiko untuk artikel tidak dapat dihantar ke server adalah tinggi kerana data simpanan yang besar diperlukan bagi menampung jumlah artikel yang perlu dipertimbangkan. Antara langkah yang diambil pihak ACRULET untuk mengatasi masalah ini ialah melanggan domain sendiri untuk laman web AJUE (**Rujuk Bukti 1: Domain Laman Web Jurnal AJUE**). Sebelum ini, AJUE berkongsi domain dengan Fakulti Pendidikan dan ini menyebabkan artikel tidak dapat diterima ke dalam server kerana kekurangan data di dalam domain.

Risiko ke-dua adalah artikel yang banyak tidak dapat dinilai dalam jangkamasa yang singkat dan bebanan penilai yang tinggi. Bagi mengatasi risiko ini, bilangan penilai atau reviewer telah ditingkatkan melalui pengwujudan database penilai. Penilai juga diberikan senarai tanggungjawab yang jelas yang perlu dipatuhi supaya risiko penilaian yang tidak lengkap dapat dikurangkan (**Rujuk Bukti 2: Senarai Tanggungjawab Penilai**).

Risiko ke-3 adalah pengurusan jurnal yang kurang efisien dengan platform manual. Risiko ketiga dapat diatasi dengan menggunakan platform ScholarOne. Penggunaan ScholarOne dapat mengurangkan risiko tindakan kerja editor kerana platform ini mempunyai kebolehkongfigurasi yang tinggi serta pelaksanaan dan sokongan akses lengkap kepada data. Platform ini juga dapat memelihara integriti penyelidikan dengan memelihara maklumat penyelidik dan artikel sebelum diterbitkan.

VERDIK 2021

Antara risiko yang telah dibincangkan didalam post mortem adalah keupayaan google drive untuk menyimpan data yang agak banyak, iaitu lebih daripada 30,000 peserta. Jawatankuasa yang bertanggungjawab mengalami masalah untuk menyimpan saiz data yang besar dan melebihi had yang disediakan oleh Google. Selain itu, kekurangan sumber juga antara masalah yang dihadapi sepanjang pelaksanaan program. 80 sukarelawan pelajar FPend tidak mampu untuk menguruskan lebih 30,000 penyertaan murid dari seluruh negara. Kekurangan sumber juga turut menjejaskan komunikasi diantara sukarelawan dan peserta (**Rujuk Bukti 3: Jawatankuasa Pelaksana Verdik21**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_A01_AB04_AC02_20221_EDU_4.4.2_BUKTI_1.pdf](#)
2. [F0034_A01_AB04_AC02_20222_EDU_4.4.2_BUKTI_2.pdf](#)
3. [F0034_A01_AB04_AC02_20223_EDU_4.4.2_BUKTI_3.pdf](#)

4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

AJUE

Pihak ACRULET sentiasa proaktif dalam membuat penambahbaikan dari segi penerbitan AJUE. Hasil analisa mendapati bilangan artikel yang dihantar adalah terlampau banyak untuk ditampung oleh server. Justeru, AJUE mempunyai domain sendiri bagi mengatasi masalah ini. Kualiti artikel yang diterbitkan juga sangat dititikberatkan di mana saringan dilakukan beberapa kali di peringkat penilai. Oleh itu, bilangan penilai dipertingkatkan. Malah untuk tahun 2021, pihak editor turut mempunyai penilaian kedua sebelum artikel ini diluluskan untuk penerbitan. Penambahbaikan lain adalah kekerapan penerbitan ditingkatkan kepada empat kali setahun (**Rujuk Bukti 1: Data Penerbitan AJUE 2015 hingga 2021**). Langkah-langkah ini terbukti berkesan kerana AJUE telah dinaik taraf dari jurnal Q4 (2021) kepada Q3 pada tahun ini.

VERDIK 2021

Masalah kekangan dalam simpanan storan Google Drive telah menyebabkan ahli jawatankuasa untuk mempertimbangkan cara yang lain untuk menyelesaikan masalah ini. (**Rujuk Bukti 3: Storan Rendah**) Tindakan yang diambil bagi mengurangkan risiko adalah menyediakan beberapa account google untuk zon-zon berlainan, untuk memudahkan proses pemberian sijil kepada peserta. (**Rujuk Bukti 4: Pendaftaran Mengikut Negeri**) Jumlah peserta yang agak tinggi telah membebankan para sukarelawan pelajar dalam menguruskan penyertaan tersebut. Untuk menangani masalah ini, pensyarah penasihat telah terlibat secara langsung bagi melicinkan proses pengurusan dan penyertaan murid-murid sekolah. Saluran komunikasi telah dipertingkatkan melalui Whatsapp, emel dan telefon, untuk melicinkan proses pensijilan selepas tamat tempoh larian Verdik21 (**Rujuk Bukti 2: Maklumbalas email**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_A01_AB04_AC03_20221_EDU_4.4.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_A01_AB04_AC03_20222_EDU_4.4.3 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_A01_AB04_AC03_20223_Bukti Storan terhad.pdf](#)
4. [F0034_A01_AB04_AC03_20224_Pendaftaran mengikut negeri.pdf](#)

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

AJUE

Pembudayaan yang terhasil dalam menguruskan AJUE adalah dari segi etika kerja. Penambahbaikan dari segi etika kerja mengikut garis panduan etika yang dikeluarkan oleh Committee on Publication Ethics (COPE) (**Rujuk Bukti 1: Garis Panduan Etika AJUE**). Suasana kerja yang memerlukan penyumbang artikel, penilai dan editor bekerja mengikut garis panduan keperluan SCOPUS telah melahirkan tenaga kerja yang efisien dari segi pengurusan masa dan kualiti kerja. Senarai tanggungjawab editor, penilai dan penulis dapat di lihat dengan jelas supaya proses penerbitan artikel berjalan dengan lancar dan beretika (**Rujuk Bukti 2: Senarai Tanggungjawab Editor dan Penulis**). Peningkatan jumlah penghantaran artikel untuk diterbitkan juga menunjukkan bahawa jurnal ini menjadi pilihan ramai dan mampu menampung permintaan penyumbang artikel.

VERDIK 2021

Penganjuran Verdik21 telah meningkatkan pembudayaan amalan baik pelajar Fakulti Pendidikan dalam menguruskan acara sebegini di dalam peringkat kebangsaan yang melibatkan rakan-rakan industri, agensi kerajaan dan bukan kerajaan, mengikut maklum balas daripada soal selidik Verdik21. (**Rujuk Bukti 4: Impact Form Virtual Run**) Selain itu terdapat juga pembudayaan gaya hidup sihat dalam kalangan komuniti sekolah di seluruh negara dan juga memupuk semangat kesukarelawanan di kalangan komuniti pelajar, seperti yang telah diterapkan semasa siaran langsung majlis Pelancaran Verdik21 melalui saluran rasmi YouTube Fakulti Pendidikan, EduTube, dan disiarkan semula di Buletin Utama (TV3) dan Didik TV. (**Rujuk Bukti 3: Surat Penghargaan dari KPM dan juga Pautan ke Saluran Edutube di dalam Bukti 5: Laporan Virtual Run**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_A01_AB05_20221_EDU_4.5_BUKTI_1.pdf](#)
2. [F0034_A01_AB05_20222_EDU_4.5_BUKTI_2.pdf](#)
3. [F0034_A01_AB05_20223_EDU_4.5_BUKTI_3.pdf](#)
4. [F0034_A01_AB05_20224_Impact Form Virtual Run.pdf](#)
5. [F0034_A01_AB05_20225_laporan virtual run_latest.pdf](#)

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pengurusan sumber manusia telah mengambilkira dan menitikberatkan kepada empat aspek, iaitu perancangan (plan) dan pelaksanaan (do), pemantauan (check) and tindakan (act) bagi memastikan pengurusan sumber manusia berada di tahap paling optimum. Ini adalah kerana sumber manusia menjadi tunjang dan asas kepada perjalanan dan pembangunan sesebuah organisasi. Bagi memastikan kelestarian kewujudan Fakulti Pendidikan, selain dari aspek pendidikan dan pengajaran, aspek lain yang signifikan dan diberi penekanan adalah berkaitan dengan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan.

Fakulti Pendidikan memberi penekanan kepada aspek **alumni** iaitu merujuk kepada graduan lepasan Fakulti Pendidikan UiTM, dan staf yang mendapat tajaan untuk melanjutkan pelajaran dari Fakulti Pendidikan di peringkat nasional dan antarabangsa. Konteks **komuniti** pula merujuk pada masyarakat setempat, kumpulan pelajar, pendidik dan penyelidik pelbagai peringkat pengajian dalam konteks industri Pendidikan di peringkat nasional dan antarabangsa. Manakala, aspek **kesukarelawan** merujuk kepada aktiviti yang menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan komuniti dalam kontes Pendidikan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Aspek peningkatan profesionalisme sumber manusia sangat berkait dengan penambahbaikan kualiti berkaitan jaringan alumni di Fakulti Pendidikan. Salah satu daripada asas rujukan dalam memandu pelaksanaan perkembangan profesionalisme staf, petunjuk prestasi (PI) di dalam perancangan strategik fakulti telah menjadi asas rujukan utama. Setiap pelaksanaan program dan aktiviti sentiasa dipantau melalui maklum balas pelanggan. Penambahbaikan dan perancangan dijalankan dan penambahbaikan dibuat berdasarkan pelaporan.

Dengan kekuatan fakulti yang sedia ada, banyak projek serta program telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021. Dari **segi komuniti**, program IES, International Education Symposium merupakan antara beberapa program yang telah mendekatkan jurang antara komuniti dan fakulti dalam konteks industri Pendidikan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Dari segi **kesukarelawan pula**, program artSMART Siri 6 seperti *Campus to Community (C2C)* di bawah projek SULAM telah dijalankan di mana program ini telah menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan komuniti dalam konteks Pendidikan.

Dalam menjayakan setiap program, segala risiko yang diramalkan diberi perhatian. Program-program ini telah mendapat pengiktirafan yang tinggi, contohnya pengiktirafan dari Ahli Parlimen Paya Besar bagi program artSMart.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FPend mempunyai sejumlah 100 warga staf dengan pecahan; 19 staf pentadbiran dan 81 pensyarah. Bilangan pelajar ijazah sarjana muda adalah seramai 2111 dan pelajar pasca siswazah adalah 286. Inovasi sumber manusia telah dicapai oleh FPend pada tahun 2021 dengan mewujudkan dua bidang tugas yang baharu di bawah Jaringan Industri dan Komuniti. Bagi menggerakkan sumber manusia di FPend bagi bidang yang berkaitan dengan Jaringan alumni, komuniti dan industri, di bawah pentadbiran Timbalan Dekan Penyelidikan dan Jaringan Industri, jawatan koordinator Jaringan Industri dan Komuniti digalas oleh Dr Mohd Faiz Sabri (**Rujuk Bukti 1: Carta Organisasi & Surat Lantikan**) dan moderator Alumni Fakulti Pendidikan disandang oleh Encik Fazyudi Ahmad Nadzri.

Antara bidang tugas Koordinator Jaringan Industri adalah menyelaras program berkaitan Industri, Komuniti & Alumni UiTM dan memantau serta mengemaskini data pencapaian aktiviti-aktiviti serta projek-projek FPend. Manakala bidang tugas moderator Alumni FPend adalah mengumpulkan data Alumni dan merancang aktiviti alumni dan kesukarelawan yang dijalankan bersama untuk manfaat komuniti yang berkait dengan industri pendidikan. Penglibatan sumber manusia adalah asas penting untuk menjayakan bidang tumpuan pilihan dalam 3 aspek UTAMA FPend, iaitu jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan dan ia perlu dirancang dengan teliti.

ALUMNI

Aktiviti dibawah alumni adalah projek **EDU Teach** iaitu webinar yang dianjurkan oleh FPend dan ianya dijayakan oleh penceramah dari kalangan alumni Fakulti Pendidikan dan projek ini telah memberi manfaat kepada komuniti iaitu merujuk pada masyarakat setempat, kumpulan pelajar, pendidik dan penyelidik pelbagai peringkat pengajian dalam konteks industri Pendidikan di peringkat nasional dan antarabangsa (**Rujuk BUKTI 2: Edu Teach Webinar Series**).

Iniatif projek ini telah dibincangkan dengan teliti pelaksanaannya dalam mesyuarat Jawatankuasa **Continuous Professional Development (Rujuk BUKTI 2)**. Penganjuran webinar ini dapat menambahkan nilai ilmu, amalan dan pengalaman baharu khususnya dalam bidang inovasi pendidikan dalam sesi perkongsian maklumat bukan hanya pada komuniti setempat namun antarabangsa kerana ianya dianjurkan secara dalam talian.

Penghargaan alumni kepada FPend khususnya dan Universiti Teknologi MARA secara amnya, dapat ditunjukkan melalui sumbangan kepakaran melalui webinar yang diadakan. Contoh webinar adalah seperti *Collaborative Online Practices@UiTM*.

Antara pakar alumni dari FPend ialah Prof. Dr. Hajah Nor Aziah Alias yang telah berkongsi pengetahuan tentang bidang kekuatan beliau yang memberi manfaat kepada komuniti pendidik. Aspek kesukarelawan juga ditunjukkan melalui perkongsian kepakaran tanpa honorarium. Kandungan webinar adalah berunsurkan pengetahuan yang terkini dan inovatif. Ini dapat ditunjukkan dalam maklum balas berikut, iaitu maklum balas (**Rujuk Bukti 3: Maklumbalas Pencapaian Keperluan Komuniti**) dari komuniti yang menyatakan (1) program dapat memenuhi kehendak dan keperluan komuniti, (2) kandungan memenuhi keperluan komuniti.

KOMUNITI

Aktiviti yang dijalankan oleh FPend yang melibatkan komuniti iaitu masyarakat setempat, kumpulan pelajar, pendidik dan penyelidik pelbagai peringkat pengajian dalam konteks industri Pendidikan di peringkat nasional dan antarabangsa adalah (**Rujuk Bukti 4: Program IES2021**) dan **Artsmart (Rujuk Bukti 4: Surat Jemputan)**.

KESUKARELAWAN

Aktiviti yang dijalankan oleh FPend yang menyumbang kepada pembangunan dan kesejahteraan komuniti dalam konteks Pendidikan di peringkat nasional dan antarabangsa. Contoh aktiviti yang melibatkan kesukarelawan adalah *Campus to Community (C2C)* di bawah

projek SULAM yang diberi nama Artsmart Siri 6. Inisiatif projek ini telah dibincangkan pelaksanaannya dalam **Pelan Perancangan Strategik 2021 (Rujuk Bukti 5)**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_S01_SB02_20221_EDU_5.2_BUKTI_1.pdf](#)
2. [F0034_S01_SB02_20222_EDU_5.2_BUKTI_2.pdf](#)
3. [F0034_S01_SB02_20223_EDU_5.2_BUKTI_3.pdf](#)
4. [F0034_S01_SB02_20224_EDU_5.2_BUKTI_4.pdf](#)
5. [F0034_S01_SB02_20225_EDU_5.2_BUKTI_5.pdf](#)

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Berikut merupakan antara program yang telah dirancang dan berjaya dilaksanakan pada tahun 2021 oleh FPend berdasarkan **Pelan Perancangan Strategik 2021 (Rujuk Bukti 1)**. Program yang telah dilaksanakan ini merangkumi ketiga-tiga bidang tumpuan termasuk jaringan alumni, komuniti, dan sukarelawan yang telah terbukti dapat mengoptimumkan tumpuan kepada sumber manusia khususnya bagi FPend. Penganjuran program artSMart oleh FPend telah berjaya menarik penglibatan peserta dalam dan luar negara sekaligus membuktikan kedua-dua program ini relevan dan mendapat sambutan dari pelbagai golongan dan lapisan masyarakat.

artSMart

Pengoptimuman sumber manusia melalui artSMart dapat ditunjukkan melalui strategi berkonsepkan perkongsian ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman di antara warga pendidik dan pelajar (bakal pendidik) dari Program Pendidikan Seni dan Seni Reka, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) bersama komuniti, alumni dan sukarelawan. ArtSmart adalah salah satu projek *Service Learning Malaysia-University for Society* atau dikenali sebagai SULAM yang merupakan agenda penting negara di bawah inisiatif JPT yang selari dengan Dasar Komuniti Negara terutama dalam mendepani cabaran globalisasi dan urbanisasi.

Kerangka teori pembelajaran *Kolb Learning Teory* dijadikan dasar yang menekankan aspek pembelajaran berasaskan pengalaman. Pendekatan yang digunakan adalah menerusi pelaksanaan konsep pengajaran dan pembelajaran bersifat inkuiri dan kontekstual. Pelajar melaksanakan projek-projek yang berteraskan penyelesaian permasalahan dan solusi kepada isu-isu yang dihadapi oleh komuniti. Projek ArtSmart juga telah berjaya memberikan impak yang signifikan kepada komuniti. Kesemua projek yang dilaksanakan turut melibatkan kerjasama baik dan sokongan daripada badan kerajaan, industri, institusi, syarikat swasta, persatuan, pertubuhan berkaitan, dan alumni.

Pada tahun 2021, program artSMart telah memasuki siri yang ke 6 dengan tema yang dibawa ialah *Relook & Rebrand*. **Projek artSMart siri 6 (Rujuk Bukti 2)** kali ini akan memberikan fokus kepada isu kelembapan ekonomi negara dan dunia impak daripada pandemik COVID-19. Terkesan daripada itu, projek ini akan membantu usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk meneruskan kelangsungan perniagaan mereka pasca pandemik tersebut. Sokongan dan bantuan yang bakal diberikan meliputi bidang periklanan, promosi dan pemasaran produk-produk mereka, khasnya berteraskan pengintegrasian teknologi dan aplikasi digital. Fasa pemulihan dan aktiviti berstruktur telah dirangka bersama rakan-rakan kolaborasi projek yang dikenal pasti. **(Rujuk Bukti 2: Rakan Kolaborasi Industri)**

Program artSMART telah mengoptimumkan penglihatan jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan dalam setiap aktiviti-aktiviti yang dijalankan yang disusun dan dirangkumkan dalam ringkasan berikut.

Lunch Hour Talk

Lunch hour talk hanya melibatkan sesi bersama pakar & wakil rakan kolaborasi projek untuk memberikan khidmat nasihat. Sesi bersama Chef Wan, Dato Rizalman, Pn Erma Fatima & beberapa org lain telah dibuat sewaktu majlis penutup program. **(Rujuk Bukti 3: Sesi Bersama Pakar & Rakan Kolaborasi)**

Pocket Talk

Merupakan platform untuk semua peserta mendapatkan maklumat dan pandangan yang komprehensif daripada pakar-pakar bidang yang dikenal pasti. Sesi bual bicara turut meliputi tunjuk cara dan soal jawab secara interaktif.

Pitching Session

Sesi persembahan ringkas dan padat mengenai produk atau perkhidmatan yang ditawarkan oleh pengusaha Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang terlibat. Sesi ini dapat membuka ruang dan peluang pemasaran baharu kepada komuniti PKS.

Virtual Carnival

Peluang bagi memupuk budaya pemikiran pendidikan keusahawanan dikalangan masyarakat secara interaktif. Karnival ini dilaksanakan secara santai berkonsepkan *edutainment* dalam memasarkan produk pengusaha PKS terlibat.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_S01_SB03_20221_EDU_5.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_S01_SB03_20222_EDU_5.3 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_S01_SB03_20223_EDU_5.3 BUKTI 3.pdf](#)

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Setiap program atau aktiviti yang dilaksanakan oleh FPend sentiasa dipantau bagi memastikan hasil pemantauan dapat digunakan untuk kajisemula pengurusan supaya penambahbaikan dapat dilaksanakan untuk aktiviti masa hadapan.

Salah satu daripada projek yang dianjurkan oleh pihak fakulti adalah EDU Teach Webinar Series. Mekanisma pemantauan siri webinar EDU Teach di FPend adalah berlandaskan senarai semak *Connection Model* (**Rujuk Bukti 1: *Connection Model***).

Satu contoh webinar yang dijalankan ialah *EDU Teach: Collaborative Online Practices at UiTM*. Langkah pertama dalam *Connection Model* adalah menentukan objektif webinar ini, iaitu memperolehi pengetahuan tentang “*Collaborative Online Practices in UiTM*”, memperolehi pengetahuan tentang proses pelaksanaan mengikut prosedur yang ditetapkan dan memperolehi ilmu, tips dan proses ini dapat dijalankan supaya lebih yakin untuk melaksanakan dari segi pengajaran dan pembelajaran kolaboratif dalam talian dengan jayanya.

Oleh kerana keadaan semasa masih dalam pandemik, maka webinar ini dijalankan secara dalam talian dengan menggunakan platform Cisco Webex untuk peserta yang berdaftar dan selebihnya akan disiarkan secara live melalui Facebook rasmi Fakulti Pendidikan.

Jawatankuasa webinar pula menyediakan Google Form untuk pendaftaran peserta. Ini dilakukan untuk mengelak daripada berlakunya melebihi had penyertaan bagi peserta Webex. Jawatankuasa yang sama juga menyediakan borang maklumbalas yang akan diedarkan pada akhir webinar ini untuk mendapatkan maklumbalas program yang dijalankan.

Seterusnya ahli jawatankuasa promosi turut menyediakan risalah untuk diwar-warkan (**Rujuk Bukti 2: Poster *EDU Webinar Series***). Setelah risalah ini diedarkan, maka para peserta mula mendaftar.

Satu raptai telah diadakan untuk memantau aliran kerja sewaktu webinar berlangsung. Keberkesanan perjalanan pemantauan telah menunjukkan semangat kesukarelawan dalam kalangan komuniti untuk menjayakan webinar ini.

Terdapat beberapa ahli jawatankuasa yang telah ditugaskan untuk mengumpul soalan dalam kotak chat dan disampaikan kepada moderator melalui group WhatsApp. Pada akhir webinar, moderator memberi peringatan untuk mengisi borang maklumbalas yang juga merupakan bukti kehadiran untuk syarat layak mendapatkan e-sijil yang di hasilkan secara automatik (**Rujuk Bukti 3: Sesi EDU Webinar Series di platform YouTube**).

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_S01_SB04_SC01_20221_EDU_5.4.1 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_S01_SB04_SC01_20222_EDU_5.4.1 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_S01_SB04_SC01_20223_EDU_5.4.1 BUKTI 3.pdf](#)

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Untuk mengurus risiko dalam pengendalian *Webinar Collaborative Online Practices at UiTM*, beberapa perkara telah diambil kira. Webinar ini diadakan dalam talian sebagai langkah pencegahan risiko jangkitan Covid-19. Webinar dalam talian ini juga dapat melibatkan komuniti dari kawasan jauh dari kampus Puncak Alam dan komuniti dari luar negara (**Rujuk Bukti 1: Senarai nama peserta *EDU Webinar Series***) yang dapat mengurangkan risiko penyertaan yang terhad. Selain daripada itu, tiada kos persediaan dan pengendalian webinar. Oleh itu, dengan risiko yang minima, webinar ini telah dijalankan dengan jayanya.

Selain daripada webinar, usahawan yang baru, yang kurang berpengalaman dapat mengurangkan risiko kegagalan dalam perniagaan dengan mengikuti projek artSMART melalui program perkongsian tip oleh usahawan-usahawan yang terkemuka di Malaysia. Melalui projek artSMART ini, dengan sokongan seperti Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen Paya Besar, komuniti setempat dapat mengetahui perniagaan serta produk yang sedia ada. Dalam pada itu, risiko seperti ketidakpasaran setempat dapat dikurangkan.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_S01_SB04_SC02_20221_EDU_5.4.2_BUKTI_1.pdf](#)

5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepakaran FPend sentiasa dipantau dan dikaji semula. Penambahbaikan dijalankan berikutan dari maklum balas yang diterima. (Rujuk Bukti 5.12: Jadual 1 menunjukkan analisis item dalam borang maklumbalas. Item dalam jadual adalah sepadan dengan nombor dalam graf **(Rujuk Bukti 1: Analisis item dalam borang maklumbalas)**).

Hasil daripada analisis di atas, pada puratanya, para peserta berpendapat bahawa ilmu pengetahuan dalam praktis kolaborasi dalam talian telah meningkat selepas mengikuti webinar ini (dari min 3.82 sebelum webinar ke 4.52 selepas webinar) **(Rujuk Bukti 2: Analisis para peserta dalam mengikuti EDU Webinar Series)**.

Selain daripada maklumbalas, berikutan *Webinar Collaborative Online Practices at UiTM*, langkah-langkah telah juga diambil untuk mengumpulkan maklumat berkaitan dengan topik ini supaya dapat dimanfaatkan bersama secara sukarelawan dan melibatkan komuniti yang lebih luas. Untuk tujuan ini, Professor Dr. Hajah Nor Aziah binti Haji Alias bersama Prof. Madya Sharipah Ruzaina Syed-Aris dan Dr. Hamimah Hashim telah mengambil inisiatif menerbitkan sebuah buku yang berkaitan dengan hala tuju *Collaborative Online Practices* yang bertajuk "*Case on Responsive and Responsible Learning in Higher Education* **(Rujuk Bukti 3: Penerbitan buku)**

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_S01_SB04_SC03_20221_EDU_5.4.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_S01_SB04_SC03_20222_EDU_5.4.3 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_S01_SB04_SC03_20223_EDU_5.4.3 BUKTI 3.pdf](#)

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Integrasi merujuk kepada proses pembudayaan yang memberi tumpuan kepada jaringan komuniti, sukarelawan dan alumni. FPend, terus konsisten melaksanakan proses integrasi dalam bidang tumpuan seperti yang disebutkan samada di peringkat domestik ataupun antrabangsa. Berikut disenaraikan tiga program yang membawa agenda pembudayaan sepanjang tahun 2021 iaitu penglibatan alumni dalam seminar pra praktikum, program artSMART dan Majlis Apresiasi Staf tahun 2021.

Penganjuran program artSMART Siri 6 pada tahun 2021, telah berjaya mendapat beberapa pengiktirafan dan penghargaan hasil dari Pihak Pusat Khidmat Rakyat Ahli Parlimen Paya Besar sebagai projek komuniti Helix terbaik kerana melibatkan kolaborasi empat penjurong iaitu sumber manusia dari FPend, pihak industri (NGO dan Agensi) dan komuniti yang dibantu yang dapat menerima manfaat dari projek ini serta alumni FPend yang turut bersama memberikan khidmat sukarelawan mereka. Tambahan pula penglibatan komuniti dan industri dapat membantu agenda utama negara Malaysia melalui Dasar Komuniti Negara (**Rujuk Bukti 1: Pengiktirafan dan Anugerah MeTIC 11/2022 bagi projek artSMart 2021**) daripada kejayaan mendapat penglibatan yang positif dan memberangsangkan. Penghargaan ini bukan sahaja menaikkan nama Fakulti Pendidikan dan Universiti Teknologi Mara secara keseluruhannya, tetapi paling penting bertindak sebagai motivasi kepada seluruh warga untuk terus menghasilkan program dan projek seperti ini pada masa-masa akan datang.

Program artSMART Siri 6 telah berjaya mendapat tempat pertama, anugerah MeTIC 11/2022 di atas kejayaan program pada tahun 2021. Pengiktirafan dan penghargaan dianugerahkan oleh Pejabat Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni ini telah berlangsung pada 17-19 Mei 2022. Program yang dijalankan secara live YouTube melalui facebook dan instagram FPend dan industri dapat memperluaskan skop perkongsian ilmu keseluruh pelusuk tanahair Malaysia.

Selain daripada penerimaan penghargaan yang merupakan hasil usaha FPend, FPend juga memberikan pengiktirafan kepada sumber manusia dalam kalangan staf yang banyak memberikan sumbangan kepada komuniti dan menunjukkan peranan sebagai sukarelawan. Sehubungan ini, FPend mengadakan Majlis Apresiasi bagi Tahun 2020/2021 (**Rujuk Bukti 2: Penerima Anugerah Majlis Apresiasi Staf 2020/2021**).

Seminar Pra Praktikum, adalah program wajib setiap semester yang dianjurkan oleh Jabatan Asas Pendidikan, FPend untuk para pelajar semester 6 sebagai persediaan sebelum pelajar mengikuti latihan mengajar (LM) ke sekolah -sekolah yang dipilih. Seminar selama seminggu ini, bertujuan memberi pendedahan dari segi pengetahuan, informasi terkini dalam bidang pendidikan, perkongsian pengalaman dan refleksi dan yang paling penting memberi pendedahan dan motivasi kepada bakal -bakal pendidik. Untuk tahun 2021 seminar ini telah dijalankan secara dalam talian sepenuhnya. Seminar kali ini, telah menjemput seramai tiga orang alumni dari bidang TESL, PJK dan Seni untuk sama-sama memberikan input dan berkongsi pengalaman mereka dalam bidang pendidikan.

Apa yang lebih menarik, seminar ini (**Bukti 3: Seminar Pre-Praktikum**) juga dijadikan contoh oleh institusi luar iaitu Louder's College dari negara Filipina yang merupakan rakan strategik antarabangsa untuk mengadaptasi program yang sama kepada bakal-bakal guru mereka. seramai tiga orang pensyarah Fakulti Pendidikan telah dijemput sebagai penceramah untuk sesi seminar pra praktikum anjuran Louder's College pada tahun ini iaitu Dr Khadijah Said Hashim, Dr Roslinda Alias dan Geethanjali Narayanan. Melalui aktiviti ini, FPend telah dapat memperluaskan amalan baik ke peringkat antarabangsa dan dijadikan contoh oleh rakan antarabangsa.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_S01_SB05_20222_EDU_5.5_BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_S01_SB05_20222_EDU_5.5_BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_S01_SB05_20223_EDU_5.5_BUKTI 3.pdf](#)

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

FPend dalam usahanya bagi memberi kualiti perkhidmatan yang berkesan, efisien dan sistematik dalam meluaskan jaringan alumni dan komuniti sentiasa menekankan kepentingan menjalankan semua aktiviti menurut prosedur operasi yang ditetapkan. Ini bagi mengekalkan kawalan kualiti ke atas proses meningkatkan jaringan tersebut yang menjadi bidang tumpuan FPend.

FPend mengetengahkan inisiatif yang dipilih dibawah **EDU SCHOLAR** iaitu 10th International Conference on University Learning and Teaching (INCULT) 2021. Secara umumnya, inisiatif penganjuran konferensi ini menyumbang kepada memperkasa jaringan alumni dan komuniti. Dalam membincangkan skop operasi, antara elemen yang dilihat adalah bagaimana sesebuah organisasi merancang, mengurus, meningkatkan, dan menginovasikan program yang dianjurkan dan perkhidmatan serta proses kerja bagi meningkatkan keberkesanan operasi.

Di bawah penganjuran INCULT2021, pelbagai inisiatif telah diambil oleh FPend bagi menangani norma baharu berikutan teretusnya pandemik COVID-19. Antara aktiviti di bawah inisiatif ini adalah penggunaan platform maya yang meliputi keseluruhan aspek penganjuran bermula daripada perancangan sehingga pelaksanaan. Penyediaan platform menggunakan Conference Management Tool (CMT) membolehkan proses pendaftaran peserta, penghantaran dan penerimaan artikel serta pelantikan penilai kertas kerja berlaku secara sistematik tanpa sebarang isu kritikal walaupun ini merupakan penganjuran konferensi secara maya yang julung kali diadakan oleh FPend. Penggunaan CMT ini juga membolehkan pemantauan dilakukan secara berkala dan penambahbaikan berterusan dapat dilakukan.

Selain itu, penggunaan platform WEBEX semasa penganjuran juga merupakan inisiatif penting dan berkesan memandangkan penganjuran konferensi melibatkan jumlah peserta yang ramai dan pengendalian jumlah sesi selari yang tinggi. Penggunaan platform WEBEX ini telah dapat mengekalkan kualiti dan kesinambungan penganjuran konferensi sepertimana tahun-tahun sebelum terjadinya pandemik COVID-19.

Penganjuran konferensi INCULT2021 telah berjaya memperluas bidang tumpuan jaringan alumni dan komuniti melalui penglibatan pelbagai kumpulan sasaran seperti pensyarah dan pelajar bukan sahaja di Malaysia malahan di peringkat antarabangsa. Jemputan penceramah dari beberapa institusi pendidikan ternama di dalam dan luar negara seperti University of Cambridge, Kyoto Sangyo University, Japan; Ohio University; Indiana University dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia turut memperkukuhkan lagi jaringan alumni dan komuniti yang terlibat.

Dalam mengukur keberkesanan setiap proses / inisiatif yang dilaksanakan, FPend telah menggunakan kriteria kecemerlangan Prestasi Baldrige. Kerangka ini yang digunakan secara meluas oleh pelbagai organisasi untuk meningkatkan prestasi keseluruhan adalah berlandaskan kepada pendekatan ADLI (Approach, Deployment, Learning & Integration).

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

FPend mendukung Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) yang menjadi tunggak pengurusan dan pentadbiran keseluruhan UiTM. Pendekatan (Approach) yang digunakan oleh FPend bagi salah satu projek utama di bawah inisiatif EDU SCHOLAR iaitu penganjuran International Conference on *University Learning and Teaching* (INCULT2021) yang menyumbang kepada jaringan alumni dan komuniti adalah penambahbaikan berterusan di mana pihak pengurusan FPend sentiasa menekankan kepada penambahbaikan proses kerja keseluruhan dalam pengendalian projek bagi memberikan perkhidmatan yang berkualiti kepada pelanggan. **(Rujuk Bukti 1; Carta 1: Continuous Improvement)**. Ini amat berkait rapat dengan model kitaran empat langkah PDCA-*'Plan-Do-Check-Act'* yang tertumpu kepada usaha meningkatkan proses atau perkhidmatan, dan untuk menyelesaikan permasalahan di dalam sesebuah organisasi.

Penganjuran *10th International Conference on University Learning and Teaching* (INCULT 2021) diadakan setiap dua (2) tahun. Sehingga kini konferensi InCULT telah dijalankan dengan jayanya sebanyak sepuluh (10) kali iaitu pada tahun 2002, 2004, 2006, 2008, 2010, 2012, 2014, 2016, 2018 dan dan 2021. Penganjuran konferensi ini merupakan inisiatif penting oleh Pusat Kecemerlangan ACRULeT *Asian Centre of Research for University Learning and Teaching*) dalam meningkatkan jaringan komuniti dan penyertaan alumni melalui penyebaran pengetahuan, peningkatan prestasi pendidikan, penyelidikan dan penerbitan. Justeru, terdapat beberapa proses utama yang terlibat dalam menyokong pelaksanaan objektif dan inisiatif bagi bidang tumpuan ini. Antara proses utama yang terlibat dalam menyokong pelaksanaan objektif penganjuran InCULT 21 adalah melalui pembentangan Strategic Action Plan (SAP) oleh TDA dan TD PJI kepada Dekan untuk kelulusan. **(Rujuk Bukti 2: Strategic Action Plan)**. Perancangan yang sistematik diteruskan melalui perjanjian MOU, komunikasi dan perbincangan di antara ACRULeT dan rakan kolaborasi iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM). Walaupun negara masih berdepan dengan pandemik COVID19 ketika itu, penggunaan elemen inovasi melalui platform maya seperti Google Meet membolehkan segala perancangan dijalankan dengan teratur dan menyeluruh. **(Rujuk Bukti 3: Gambar mesyuarat kolaborasi)**.

Bagi mencapai objektif peningkatan jaringan alumni dan komuniti serta penyebaran pengetahuan, penganjuran InCULT mensasarkan penyertaan melibatkan bukan sahaja pensyarah dalaman, malahan pensyarah dan Profesor dari luar negara, pensyarah Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS), pengetua, Guru Besar serta pegawai dari institusi awam dan swasta yang mempunyai kepentingan dalam bidang pengurusan pendidikan dalam dan luar negara. Pemakluman dan hebahan dilakukan secara aktif oleh ACRULeT dan UPM melalui poster, emel, media sosial, newshub dan banyak lagi **(Rujuk Bukti 4: Poster INCULT2021)**.

Penggunaan platform seperti Google Meet dan Webex turut meningkatkan jumlah penglibatan dalam kalangan alumni dan komuniti di samping mengurangkan risiko pandemik COVID19. **(Rujuk Bukti 5: Gambar INCULT2021)**. Seterusnya, InCULT 2021 turut mengetengahkan perkongsian pengetahuan melalui jemputan penyampai utama dari beberapa universiti ternama iaitu Dr. Keith S. Taber (University of Cambridge), Profesor Emeritus Dr. Thomas N. Robb (Kyoto Sango University, Japan), Dr. Sara Helfrich (Patton College of Education, Ohio University), Kelly Eskew (Indiana University) dan Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak (UIA, Malaysia). **(Rujuk Bukti 5: Jemputan Penceramah)**.

Sebanyak 283 penyertaan dari dalam dan luar negara adalah satu pencapaian yang membanggakan serta jauh melebihi sasaran awal iaitu hanya 100 penyertaan. Ini membuktikan semua pendekatan yang diambil dalam menyokong pelaksanaan objektif penganjuran konferensi adalah efektif. **(Rujuk Bukti 5: Statistik jumlah penyertaan)**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_O01_OB02_20221_EDU_6.2 BUKTI 1.pdf](#)

2. [F0034_O01_OB02_20223_EDU_6.2 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_O01_OB02_20223_EDU_6.2 BUKTI 3.pdf](#)
4. [F0034_O01_OB02_20224_EDU_6.2 BUKTI 4.pdf](#)
5. [F0034_O01_OB02_20225_EDU_6.2 BUKTI 5.pdf](#)

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Setelah memperincikan pendekatan yang menjadi teras kepada pengendalian InCULT di bawah inisiatif EDU Scholar, seterusnya akan dibincangkan pula aspek perluasan atau 'deployment' yang menerangkan proses tindakan memperkenalkan konferensi InCULT kendalian ACRULET melalui pelbagai platform atau perkhidmatan terkini kepada organisasi-organisasi dalaman dan luaran secara terkoordinasi dan sistematik. Ini amat berkait rapat dengan langkah PDCA-'Plan-Do-Check-Act' yang tertumpu kepada usaha menambahbaik proses atau perkhidmatan, mencapai objektif yg diusahakan oleh sesebuah organisasi. Ini dapat dilihat melalui penglibatan, pengurusan, pengembangan sumber daya manusia yang lebih efisien dan kondusif di dalam memastikan penyebaran maklumat berkenaan konferensi InCULT 2021.

Perluasan yang berjaya bukan sahaja bergantung kepada perancangan dan pemantauan yang baik, malah lebih kepada penyaluran maklumat melalui saluran komunikasi yang efisien kepada semua kumpulan sasar yang terlibat. Memang tidak dapat dinafikan bahawa komunikasi sistematik adalah bahagian yang amat penting dalam pengurusan perluasan/ penyebaran informasi bagi memastikan penyebaran maklumat berkenaan Konferensi InCULT mencapai sasaran yang dirancang.

Bagi penganjuran konferensi InCULT 2021 yg menjurus kepada penglibatan alumni dan komuniti, perluasan atau penyampaian maklumat terkini kepada semua warga yang terlibat telah dilaksanakan secara sistematik dan berfokus. Ini dapat dilihat melalui proses perbincangan pengurusan tertinggi FPend bersama rakan kolaborasi diikuti dengan pembahagian tugas dan tanggungjawab kepada yang berkenaan. **(Rujuk Bukti 1: Minit Mesyuarat Kolaborasi dan Senarai Jawatankuasa).**

Bagi memastikan proses-proses yang berkaitan berjalan sepertimana yang dirancang, pemantauan berterusan juga dilaksanakan oleh pejabat-pejabat Timbalan Dekan yang berkaitan di mana semua informasi penting dikongsi bersama warga samada melalui pagedaran memo makluman, e-mail, Whatsapp, Telegram, platform atas talian, Youtube, News Platform, Conference Alert, Malaysian Youth Community serta Facebook rasmi Fakulti Pendidikan dan UPM. Langkah ini dapat memastikan bahawa berlakunya *inclusivity* di dalam penyebaran maklumat bukan sahaja dikalangan pendidik, tetapi juga alumni, komuniti serta organisasi luar. **(Rujuk Bukti 2: Hebahan Penganjuran INCULT2021)**

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_O01_OB03_20221_EDU_6.3 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_O01_OB03_20222_EDU_6.3 BUKTI 2.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Di dalam keadaan pandemik COVID19 ini, FPend tetap komited dalam memastikan kelestarian pencapaian bidang tumpuan pilihan berkaitan aktiviti jaringan alumni dan komuniti. Justeru, pemantauan berterusan dilakukan bagi mengenalpasti risiko terlibat dan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan.

Sebagai contoh, penganjuran konferensi inCULT2021 dijalankan secara maya buat pertama kalinya bagi mengurangkan risiko jangkitan akibat pandemik COVID19. **(Rujuk Bukti 1: Poster INCULT2021)**. Walaupun penganjuran konferensi secara maya adalah pengalaman pertama, Fakulti Pendidikan tetap komited dalam memastikan kualiti penganjuran konferensi tetap berada pada tahap yang optimum. Pemantauan terhadap perjalanan dan kelancaran program dilaksanakan melalui beberapa siri perbincangan bersama rakan kolaborasi. Selain itu, pemantauan turut dijalankan melalui pengedaran borang maklumbalas dan ruang pertanyaan di website. **(Rujuk Bukti 2: Borang Maklumbalas seminar/webinar/soalan di laman web)**. Hasil pemantauan seterusnya digunakan untuk mengkaji semula proses pengurusan konferensi. Sebagai contoh, pemantauan dijalankan terhadap medium penghantaran artikel dan video pembentangan. Berdasarkan pengumpulan data dan analisa yang dijalankan oleh jawatankuasa terlibat, hasil perbincangan memutuskan penggunaan CMT sebagai platform pengumpulan data. Selain itu, pemantauan turut dijalankan bagi aspek hebahan di mana hasil perbincangan telah memutuskan untuk menggunakan lebih banyak medium hebahan untuk meningkatkan lagi capaian maklumat kepada jaringan alumni dan komuniti terlibat. **(Rujuk Bukti 3: Minit Mesyuarat Pemantauan Penganjuran INCULT2021)**.

SENARAI BUKTI:

1. [F0034_O01_OB04_OC01_20221_EDU_6.4.1 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_O01_OB04_OC01_20222_EDU_6.4.1 BUKTI 2.pdf](#)
3. [F0034_O01_OB04_OC01_20223_EDU_6.4.1 BUKTI 3.pdf](#)
- 4.

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Sistem pengurusan kualiti ISO mentakrifkan risiko sebagai perkara yang berlaku di luar jangkaan. Sesebuah organisasi akan berfungsi dengan lebih cekap sekiranya organisasi itu melakukan pengurusan risiko dengan berkesan. Bahagian penulisan ini akan memberi tumpuan kepada pengenalanpastian risiko bagi bidang tumpuan yang telah dipilih.

Pandemic COVID19 yang melanda seluruh dunia telah menyebabkan penularan risiko jangkitan dalam aktiviti yang dijalankan secara bersemuka. Mengambil kira hal ini, pihak pengurusan fakulti telah mengambil langkah proaktif dalam penganjuran konferensi INCULT2021 iaitu dengan mengubah kaedah kepada penganjuran konferensi InCULT secara maya buat julung kalinya. Penganjuran konferensi secara maya ini merupakan perkara utama yang perlu dianalisa risikonya dari segi pengurusan dan pelaksanaan, memandangkan ianya adalah sesuatu yang baru bagi semua kumpulan sasar yang terlibat. Disebabkan keadaan pandemik yang menyebabkan proses bersemuka tidak boleh dilakukan, penilaian risiko dijalankan semasa mesyuarat jawatankuasa bersama rakan kolaborasi UPM. **(Rujuk Bukti 1: Gambar Mesyuarat JK).**

Antara risiko yang dikenalpasti dan dibincangkan adalah dari segi hebahan promosi dan publisiti, platform perkongsian ucap tama oleh penceramah, jumlah perbelanjaan yang terlibat serta penggunaan platform yang sesuai. Sebagai contoh, antara risiko yg dikenal pasti adalah sekiranya sasaran jumlah penyertaan gagal dicapai disebabkan aktiviti hebahan yang kurang efektif, seterusnya memberi kesan kepada pulangan hasil kewangan. Antara perancangan yang diambil oleh pihak urusetia adalah melalui penggunaan platform CMT (*Conference Management Tool*). Langkah ini telah membolehkan pemantauan berkala dilakukan dari segi mengenalpasti jumlah pendaftaran, penerimaan artikel dan penentuan penilai artikel.

Selain itu, pengenalanpastian risiko juga telah dikenalpasti bagi proses pengendalian konferensi. Memandangkan penganjuran konferensi pertama kalinya dijalankan secara maya, terdapat risiko pelbagai isu teknikal yang boleh mengganggu kelancaran pengendalian konferensi. Sebagai contoh, aspek teknikal yang mungkin timbul semasa sesi perkongsian ucap tama serta pelaksanaan sesi selari. Penilaian risiko dan pelan tindakan ini berlangsung di dalam sesi mesyuarat di atas. **(Rujuk Bukti 2: Agenda mesyuarat perbincangan risiko).** Berdasarkan risiko yang dikenalpasti, tindakan pencegahan yang sesuai telah dijalankan. Sebagai contoh, bagi aspek teknikal, lantikan sebagai moderator sesi selari telah dilakukan di kalangan staf yang mempunyai kemahiran dalam menggunakan platform WEBEX. Langkah ini telah membantu perjalanan sesi selari berjalan lebih lancar. **(Rujuk Bukti 3: Senarai lantikan moderator)**

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_O01_OB04_OC02_20221_EDU_6.4.2_BUKTI_1.pdf](#)
2. [F0034_O01_OB04_OC02_20222_EDU_6.4.2_BUKTI_2.pdf](#)
3. [F0034_O01_OB04_OC02_20223_EDU_6.4.2_BUKTI_3.pdf](#)

6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Dalam pengurusan sistem kualiti yang berkesan, setelah risiko dikenalpasti, tumpuan operasi perlu dianalisa untuk tujuan penambahbaikan. Hasil penganalisan kemudiannya diambil tindakan dengan efisien dan efektif bagi memastikan perjalanan konferensi yang lancar dan efisien.

Di dalam penganjuran konferensi INCULT2021, sesi perbincangan berkala dan mesyuarat post-mortem merupakan satu aspek penting sebagai langkah untuk mengkaji semula pelbagai isu kritikal sepanjang penganjuran konferensi secara maya. Ini membuktikan bahawa penganjur adalah 'accountable' terhadap segala proses pelaksanaan dan tindakan dalam penganjuran konferensi. Hasil daripada perbincangan ini digunakan bagi menambahbaik serta meningkatkan lagi prestasi pihak pengurusan dalam penganjuran program bagi bidang tumpuan jaringan komuniti dan alumni. Sebagai contoh dari aspek pendaftaran dan penerimaan artikel, sistem yang digunakan iaitu CMT (*Conference Management Tool*) untuk memantau jumlah pendaftaran dan penerimaan artikel dianalisa secara mingguan dan laporannya dikongsi bersama jawatankuasa penganjuran secara berperingkat. Laporan yang diterima memberi gambaran keseluruhan berkaitan jumlah penyertaan dari dalam dan luar negara, jumlah dan kategori penerimaan artikel serta maklumat penilai artikel. Hasil pengumpulan dan analisa data daripada pemantauan ini akan dikongsi bersama ahli jawatankuasa semasa sesi mesyuarat dan digunakan bagi menambahbaik jumlah penyertaan melalui hebahan secara lebih meluas.

Aspek kedua yang menjalani analisa dan penambahbaikan adalah proses pengendalian konferensi melalui platform Webex. Hasil analisa menunjukkan penambahbaikan boleh dilakukan dari segi pembahagian tugas di kalangan ahli jawatankuasa. Di samping itu, penambahbaikan juga dicadangkan supaya ahli jawatankuasa memiliki kemahiran dan pengetahuan secukupnya dalam mengendalikan platform WEBEX bagi tujuan konferensi. (**Rujuk Bukti 1: Minit Mesyuarat Post-mortem**).

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_O01_OB04_OC03_20221_EDU_6.4.3 BUKTI 1.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Di dalam situasi pandemik COVID19 ini, terdapat penambahbaikan yang dilakukan terhadap proses sedia ada, memandangkan kebanyakan proses tidak lagi boleh dilakukan secara bersemuka. Keadaan ini juga secara tidak langsung telah membuka peluang kepada aspek inovasi dari segi pelaksanaan dan penambahbaikan perancangan program.

Situasi ini turut memberikan impak terhadap proses dalam bidang tumpuan yang melibatkan jaringan alumni dan komuniti. Memandangkan kekangan situasi semasa di mana penganjuran program secara bersemuka tidak dapat dijalankan, konferensi InCULT 2021 telah dijalankan secara maya sebagai salah satu usaha dalam mengatasi kekangan pandemic COVID-19.

Oleh itu, inovasi yang berlaku di dalam proses ini adalah dari segi penggunaan CMT untuk memastikan kelancaran proses pendaftaran supaya kualiti proses masih terjamin. Penggunaan CMT membolehkan peserta membuat pendaftaran dengan mengisi maklumat yang diperlukan. Bagi pihak penganjur pula, penggunaan CMT membolehkan data yang tepat diperolehi berkenaan jumlah penyertaan yang diterima serta status penghantaran artikel. Penggunaan CMT ini juga telah memudahkan proses lantikan penilai kertas kerja.

Penambahbaikan berterusan dan inovasi juga berlaku pada proses penyampaian maklumat di antara jawatankuasa penganjuran dengan jaringan komuniti dan alumni. Sebelum situasi pandemik COVID19, penganjuran konferensi secara bersemuka membolehkan maklumat disalurkan dengan lebih mudah. Namun, apabila proses penganjuran berlaku secara maya, di mana komunikasi bersemuka adalah terhad, terdapat keperluan untuk memastikan tiada ketirisan maklumat berlaku apabila terdapat maklumat yang perlu disalurkan kepada semua komuniti yang terlibat. Oleh itu, proses penambahbaikan yang dilakukan untuk memastikan bahawa maklumat disalurkan dengan tepat dan cepat adalah dengan menggunakan medium komunikasi digital seperti WhatsApp, emel, dan platform maya seperti *Google Meet* dan *Webex* (**Rujuk Bukti 1: Contoh Medium Hebahan**).

Dari segi pelaksanaan konferensi secara maya pula, penggunaan Platform Webex telah dimanfaatkan bagi tujuan penambahbaikan. Penggunaan platform Webex membolehkan sesi selari dijalankan secara serentak walaupun mempunyai jumlah peserta yang agak ramai. (**Rujuk Bukti 2: Contoh Sesi Selari**).

Sekiranya penilaian dan penambahbaikan berterusan dijalankan ke atas sistem-sistem yang dijelaskan di atas, ianya berpotensi untuk digunapakai oleh seluruh sistem universiti bagi membantu menangani impak pandemik ke atas sistem Pendidikan. Penggunaan teknologi seperti CMT dan Webex telah terbukti dapat menjamin kelestarian bidang tumpuan yang melibatkan jaringan alumni dan komuniti.

SENARAI BUKTI :

1. [F0034_O01_OB05_20221_EDU_6.5 BUKTI 1.pdf](#)
2. [F0034_O01_OB05_20222_EDU_6.5 BUKTI 2.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

HASIL UTAMA 1 memfokuskan kepada **Asian Journal of University Education (AJUE)** yang telah dilaporkan di dalam **Kriteria 2 Perancangan Strategik**

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelaporan hasil utama 1 memfokuskan kepada Asian Journal of University Education (AJUE) yang telah diperincikan di dalam kriteria 4 iaitu Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan. Berperanan sebagai jurnal berindeks Scopus pada aras Q3 (indeks Scopus Q4 pada tahun pelaporan), AJUE telah menyemarakkan amalan pemindahan pengetahuan, mengetengahkan bidang dan kepakaran staf akademik Fakulti Pendidikan, serta melonjakkan ketampakkan Fakulti Pendidikan di peringkat universiti mahupun antarabangsa.

AJUE dikendalikan oleh Asian Center for Research on University Learning and Teaching (ACRULet), salah sebuah Pusat Kecemerlangan (Center of Excellence) di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA (UiTM). Selain Scopus, AJUE turut diindeks oleh Asean Citation Index, MyCite, Asian Digital Library, ERIC Institute of Education Sciences, OCLC WorldCat, EuroPub dan Google Scholar (data efektif Ogos 2022). Aspek Pengukuran, Analisa dan Pengurusan Pengetahuan menjadi pemangkin kepada operasi AJUE sejak dari awal melalui penekanan kepada penyelidikan berteraskan pengajaran dan pembelajaran dalam konteks pengajian tinggi. Dengan penerbitan pertama pada 2002 melalui kekerapan 2 kali setahun, AJUE pada awalnya berperanan sebagai ruang penerbitan untuk persidangan dwi-tahunan (dua tahun sekali) anjuran Fakulti Pendidikan iaitu International Conference on University Learning and Teaching (InCULT). Kini peranan AJUE merentasi fungsi awal dan menjadi pelantar penerbitan kepada artikel berkualiti sumbangan akademia di peringkat global dengan kekerapan penerbitan 4 kali setahun. Bermula dengan status jurnal peer review, komitmen dan wawasan pasukan ACRULeT berjaya meningkatkan kualiti AJUE kepada jurnal yang diindeks oleh database berprestij dan terkemuka.

AJUE memberi manfaat secara langsung dan tidak langsung kepada jaringan komuniti dalam spektrum yang luas melalui segmen sasaran yang pelbagai: penyelidik, penulis, pendidik, pelajar, pimpinan pendidikan, pengurusan pendidikan sektor awam dan swasta serta agensi-agensi yang mewakili industri. Dalam konteks memartabatkan budaya penyelidikan dan penerbitan di kalangan komuniti akademia, pengurusan pendidikan dan industri ini, kekerapan penerbitan yang tinggi tentunya menyediakan peluang penerbitan yang lebih banyak melalui wadah penerbitan yang berimpak dan berkualiti. Format akses terbuka (open access) meningkatkan peluang sitasi kepada komuniti penulis juga membuka ruang kepada komuniti pembaca di peringkat global untuk akses kepada artikel-artikel rujukan yang berimpak tinggi.

Perbincangan dan pembuktian untuk fokus hasil utama 1 ini menunjukkan AJUE menepati kualiti aras tertinggi rubrik hasil bagi aspek yang dinilai. Budaya penambahbaikan berterusan ACRULeT berjaya meletakkan AJUE sebagai jurnal yang terbaik di dalam kelasnya. Ini dapat dilihat menerusi peningkatan mutu dan indeks AJUE sendiri yang bermula dengan hanya terindeks di Google Scholar pada era awal penerbitannya kepada database terkemuka yang lain sehinggalah diindeks oleh Scopus pada aras Q4 pada tahun 2020, kepada indeks Scopus Q3 tahun ini. Pencapaian yang membanggakan ini tidak akan dicapai tanpa kotmimen kerja yang didasari budaya analisa dan pengukuran serta penambahbaikan berterusan pasukan ACRULeT. Tren positif serta pencapaian yang melebihi sasaran turut dikenalpasti melalui jumlah penerbitan serta kualiti artikel yang diterbitkan.

AJUE merupakan aset utama Fakulti Pendidikan dalam menyemarakkan budaya penyelidikan dan penerbitan serta penambahbaikan kualiti pengajaran dan pembelajaran di peringkat pengajian tinggi. Impak serta faedah AJUE sebagai jurnal yang terbaik di dalam kelasnya

Salah satu cara memajukan keberjajahan kemahasiswaan akademika dan dosen yang disasarkan, malah meningkatkan visibiliti dan mengetengahkan kualiti warga Fakulti Pendidikan dan UiTM di peringkat global.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1_F0034_HB02_20221_EDU_HASIL \(1\) 7.1.2.pdf](#)

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1_F0034_HB03_20222_EDU_HASIL \(1\) 7.1.3.pdf](#)

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1_F0034_HB04_20223_EDU_HASIL \(1\) 7.1.4.pdf](#)

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1_F0034_HB05_20224_EDU_HASIL \(1\) 7.1.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

HASIL UTAMA 2 memfokuskan kepada **10th International Conference on University Learning and Teaching (InCULT2021)** dengan tema ***Realising Sustainable Development Goals (SDGs) in the New Norms through Quality Education***. Projek ini dilaporkan di dalam **Kriteria 3 Tumpuan Kepada Pelanggan**

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelaporan hasil utama 2 memfokuskan kepada 10th International Conference on University Learning and Teaching (InCULT2021) yang telah dibincangkan secara terperinci di dalam kriteria 2 iaitu Perancangan Strategik. InCULT2021 merupakan projek flagship Fakulti Pendidikan (FPend) hasil perancangan strategik yang memfokuskan kepada peningkatan profesionalisme dan keserjanaan akademia di peringkat lokal dan global.

InCULT2021 merupakan salah satu projek utama Asian Centre for Research on University Learning and Teaching (ACRULeT) iaitu pusat kecemerlangan (Center of Excellence) Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA (UiTM). Berlangsung pada 1-2 Disember 2021, InCULT2021 bertemakan Realising Sustainable Development Goals (SDGs) in the New Norms through Quality Education. Dilaksanakan dua tahun sekali, ACRULeT telah berjaya menganjurkan 10 persidangan secara keseluruhan bermula dari 2002, 2004, 2006, 2008, 2010, 2012, 2014, 2016, 2018 hingga 2021. InCULT yang kesepuluh sepatutnya diadakan pada tahun 2020 di Washington D.C., Amerika Syarikat, hasil kolaborasi dengan Ohio University, Amerika Syarikat, rakan kolaborasi FPend, namun terpaksa dipinda ke 2021 berikutan ancaman Covid-19. Berikutan ancaman pandemik yang masih berpanjangan, InCULT2021 dilaksanakan sepenuhnya secara virtual. Pindaan penganjuran InCULT pada tahun 2020 dan pelaksanaan InCULT yang kesepuluh pada tahun 2021 merupakan langkah strategik FPend cerminan sensitiviti dan komitmen fakulti terhadap kepentingan aspek pencegahan risiko terutamanya dalam mengelakkan risiko jangkitan Covid-19.

Perancangan strategik yang sistematik dan berimpak turut dapat dilihat melalui rantai kerjasama dalam penganjuran InCULT2021. Persidangan ini terlaksana hasil kerjasama dengan rakan-rakan strategik FPend. Persidangan ini dianjurkan dengan kerjasama Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia (UPM), selaku rakan kerjasama utama dengan kolaborasi Ohio University, Amerika Syarikat; dan UiTM Global. Kerjasama pintar ini menyediakan situasi win-win kepada semua yang terlibat dan meningkatkan kualiti penganjuran InCULT2021 serta meletakkan persidangan ini sebagai yang terbaik di dalam kelasnya. Kehadiran UPM sebagai rakan kerjasama meningkatkan jumlah venue penerbitan kertas kerja pembentang di dalam jurnal berwasit; Ohio University menyediakan penyampai ucapatama luar negara; manakala UiTM Global membantu proses hebahan dan sebarluas maklumat program kepada kesemua rakan kerjasama UiTM luar negara.

Sebanyak 164 kertas kerja telah dibentangkan merangkumi pelbagai tema, dan jumlah ini boleh dijadikan sebagai kayu pengukur kejayaan InCULT2021. 5 penyampai ucapatama mewakili pelbagai institusi dari dalam dan luar negara telah berjaya mengupas dan mengetengahkan isu-isu relevan dalam pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi. Ini termasuklah University of Cambridge, England; Kyoto Sangyo University, Jepun; Ohio University, Amerika Syarikat; Indiana University, Amerika Syarikat; serta Profesor Emeritus Tan Sri Dato' Dzulkifli Abdul Razak dari Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Penyampai ucapatama dari pelbagai negara yang berkumpul dan mengetengahkan isu-isu yang sangat signifikan di dalam pendidikan pengajian tinggi adalah bukti perancangan strategik ACRULeT khususnya dan FPend amnya dalam memastikan elemen inovasi dan perkongsian pengetahuan diterapkan di dalam pelaksanaan program.

Perencanaan dan pelaksanaan strategi rancangan hasil utama 2 ini menunjukkan inCULT2021 menepati kualiti aras tertinggi rubrik hasil bagi aspek yang dinilai. Kemampuan Fpend mengurus dan melaksanakan InCULT2021 sebagai persidangan atas talian bertaraf antarabangsa dengan jayanya menunjukkan kebijaksanaan pengurusan fakulti dalam merencana dan melaksanakan perancangan strategik dengan berkesan.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H2_F0034_HB02_20221_EDU_HASIL \(2\) 7.2.2.pdf](#)

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H2_F0034_HB03_20222_EDU_HASIL \(2\) 7.2.3.pdf](#)

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H2_F0034_HB04_20223_EDU_HASIL \(2\) 7.2.4.pdf](#)

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H2_F0034_HB05_20224_EDU_HASIL \(2\) 7.2.5.pdf](#)

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

HASIL UTAMA 3 memfokuskan kepada **Larian Virtual Rentas Desa Kebangsaan 2021 (VERDIK21)** yang telah dilaporkan untuk **Kriteria 3 Tumpuan Kepada Pelanggan**

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Tumpuan pada hasil dari tumpuan pelanggan adalah aspek yang sangat penting kepada sesebuah organisasi di mana hasil dari maklumbalas pelanggan akan membantu organisasi itu memperbaiki dan memantapkan tadbir urusnya. Pelanggan utama Fakulti Pendidikan (FPend) adalah tenaga pengajar/pensyarah dan juga pelajar. Hasil dari tumpuan pelanggan akan mengetengahkan hasil utama dari Larian Virtual Rentas Desa Kebangsaan 2021 (VERDIK21). Berdasarkan hasil daripada pencapaian objektif dan inisiatif yang telah dirangka didalam pelan strategik FPend, ianya difokuskan menerusi beberapa projek utama antaranya Larian Virtual Rentas Desa Kebangsaan 2021 (VERDIK21).

Larian Virtual Rentas Desa Kebangsaan 2021 (VERDIK 21) ini teretus bagi memberi peluang kepada pelajar sekolah memenuhi keperluan Pentaksiran Aktiviti Jasmani dan Ko Kurikulum (PAJSK) mereka. Sebilangan besar murid sekolah rendah dan pelajar sekolah menengah seluruh negara tidak dapat memenuhi merit PAJSK mereka pada tahun 2020 akibat pandemik Covid-19. Pihak sekolah menghadapi kekangan dalam menyediakan program dan aktiviti yang sesuai apatah lagi apabila negara berada di dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dalam tempoh masa yang lama. Ketiadaan pelajar secara fizikal di sekolah membataskan bentuk dan format program yang boleh dilaksanakan. Menyedari keperluan mendesak pihak pentadbiran sekolah-sekolah seluruh Malaysia, FPend, Universiti Teknologi MARA (UiTM), bangkit menghulurkan bantuan dalam bentuk program kesukarelawanan dan khidmat masyarakat - VERDIK21.

VERDIK21 memberi manfaat secara langsung dan tidak langsung kepada jaringan komuniti dalam spektrum yang luas melalui segmen sasaran yang pelbagai: warga sekolah yang melibatkan pihak pengurusan sekolah, guru-guru dan para pelajar dan juga warga FPend iaitu para pensyarah serta pelajar yang terlibat dengan program ini. Jumlah penyertaan yang sangat tinggi juga telah dapat dicapai melalui kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) selaku penganjur bersama, dan Jabatan Pendidikan Negeri untuk negeri-negeri berikut: Melaka, Pulau Pinang, Kelantan, Sabah, termasuk Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JPWPKL). Menyedari pentingnya kelangsungan aktiviti yang berpaksikan sukan, jasmani dan kesihatan, FPend Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Selangor dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPNS) berpadu tenaga dalam menganjurkan Larian Virtual Rentas Desa Kebangsaan 2021 (VERDIK21) yang berlangsung dari Mac hingga Ogos 2021. Pelajar melengkapkan larian secara atas talian (virtual) di kediaman masing-masing dan data larian mereka diterima untuk direkodkan sebagai memenuhi keperluan PAJSK. Larian secara virtual ini merupakan alternatif kepada acara merentas desa yang lazimnya dijalankan di sekolah sebelum pandemik melanda.

Perbincangan dan pembuktian untuk fokus hasil utama 3 ini menunjukkan VERDIK21 menepati kualiti aras tertinggi rubrik hasil bagi aspek yang dinilai. Program ini telah menunjukkan pencapaian yang melebihi sasaran dengan beberapa tren positif yang akan dihuraikan dengan lebih lanjut di bahagian seterusnya. Matlamat utama VERDIK21 iaitu penggalakan gaya hidup sihat di kalangan pelajar sekolah di Malaysia dilihat telah dapat dicapai dengan jayanya berdasarkan sambutan yang amat luar biasa sehingga telah memperoleh pengiktirafan daripada Malaysia Book of Records. Ini jelas menunjukkan VERDIK21 membawa kepentingan kepada komuniti akademik bukan sahaja di UiTM, malahan di peringkat global. Secara keseluruhannya, projek ini telah meningkatkan visibiliti atau ketampakan FPend di peringkat universiti mahupun antarabangsa.

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H3_F0034_HB02_20221_EDU_HASIL \(3\) 7.3.2.pdf](#)

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H3_F0034_HB03_20222_EDU_HASIL \(3\) 7.3.3.pdf](#)

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H3_F0034_HB04_20223_EDU_HASIL \(3\) 7.3.4.pdf](#)

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H3_F0034_HB05_20224_EDU_HASIL \(3\) 7.3.5.pdf](#)